

**KONSEP ZINDIQ:  
KAJIAN DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM**

**ZAKIAH BINTI AB.LLAH**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2009**

**KONSEP ZINDIQ:  
KAJIAN DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM**

**ZAKIAH BINTI AB.LLAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2009**

## ABSTRAK

ZAKIAH AB.LLAH

### “Konsep *Zindiq*: Kajian Dari Perspektif Pemikiran Islam”

Pemikiran Islam adalah suatu skop bidang yang luas dan meliputi pelbagai konsep pemikiran. Pada zaman moden dan teknologi maklumat ini telah muncul pelbagai konsep dan istilah baru yang kadang-kadang memerlukan perbincangan secara jelas. Kemunculan sesuatu isu tersebut disebabkan oleh situasi-situasi tertentu yang berlaku khususnya dalam kalangan individu Muslim kini. Persoalan yang sering dibincangkan dalam skop Pemikiran Islam antaranya persoalan *munafiq*, *qadariyyah*, *ibadiyyah* dan termasuklah *zindiq*. Melalui kajian ini, penulis telah menyatakan kesimpulan bahawa konsep *zindiq* mempunyai pengertian yang tersendiri. Penulis telah merumuskan bahawa konsep *zindiq* adalah salah satu terminologi yang muncul dalam skop Pemikiran Islam pada hari ini. Ia turut dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai istilah daripada Bahasa ‘Arab. Namun sebenarnya istilah tersebut bukan berasal daripada perkataan ‘Arab yang tulen. Ia telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu sehingga ditafsirkan pengertiannya dalam pelbagai aspek kehidupan yang berbeza. Hasil daripada penulisan ilmiah ini penulis berpandangan bahawa setiap individu Muslim perlu mengambil inisiatif untuk memahami konsep tersebut. Oleh yang demikian itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji skop perbincangan utama konsep *zindiq* pada peringkat awal yang dikupas dari aspek terminologi, sejarah kemunculan, hubung kait dan kesimpulan serta saranan dalam menjelaskannya di kalangan individu Muslim pada hari ini.

## ABSTRACT

**ZAKIAH AB.LLAH**

***“The Zindiq Concept: Study from Islamic Thinking Perspective”***

*The Islamic way of thinking is a wide scope which covers various concepts and thoughts. In this modern and information technology era, many new concepts and terminologies have been created, which calls for discussion and clarification. Nowadays the causes of some of the issues are due to certain situations which happen, especially among Muslims. Some of the questions which arise and often discussed in the scope of Islamic Thoughts are munafiq, qadariyyah, ibadiyyah and zindiq. In this research, the researcher has come to a conclusion that the zindiq concept has its own meaning. The researcher has concluded that the zindiq concept is a term which has appeared in the scope of today’s Islamic Thoughts. Some say that it is an Arabic term. Actually, the term is not purely Arabic. This term has been used by various groups of people who have interpreted its meaning according to various aspects of life. The result of this academic writing shows that the researcher is in the opinion that every Muslims should have the initiative to understand this concept. Therefore, the aim of this research is to test the main question which is the zindiq concept at its early stage. This concludes the terminology, its history, relationship and conclusion as well as recommendation on how to clarify this issue to Muslims today.*

## MOTTO

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥١﴾

Maksudnya:

”Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul (nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagi mu) dan lebih baik akibatnya.”

“Bertambah kuat  
kepercayaan pada agama,  
Bertambah tinggi darjatnya  
di dalam pergaulan hidup,  
dan  
Bertambah baik tingkah laku  
dan akal budinya.”  
(HAMKA)

## DEDIKASI

*Ku coretkan tinta nukilan buat...*

### ***Ya Allah Yang Maha Pencipta...***

*Al-hamdulillah segala kesyukuran ku panjatkan kehadiran-Mu  
Di atas kurniaan rezeki dan nikmat yang melimpah ruah  
Ampunkanlah dosa-dosa hamba-Mu  
Dan sinarilah dengan cahaya keberkatan dari-Mu*

### ***Ayahanda dan Bonda yang dikasihi...***

*Yang berada jauh di mata  
Ku harapkan selaut doa dan restu dari kalian  
Sebagai kekuatan diri  
Dalam mengharungi cabaran dalam kehidupan  
Insya-Allah...mendapat keredhaan mulia dari Allah Taala*

### ***Para pendidik yang dihormati...***

*Sejuta "terima kasih"ku ucapkan  
Kerana memberi bimbingan dan ilmu pengetahuan  
Sebagai pedoman dalam diri  
Untuk menghadapi liku-liku hidup  
Hanya Allah Taala dapat membalasnya*

### ***Suami tercinta...***

*Sokongan dan dorongan mu tidak ternilai  
Memberi semangat yang berterusan  
Dengan seikhlas dan setulus hati  
Kepada ku dalam mencari ilmu pengetahuan*

### ***Sahabat dan teman sekalian...***

*Moga ikatan ukhuwwah di antara kita  
Masih erat tersemuai  
Dalam usaha berkongsi ilmu dan buah fikiran  
Dalam membentuk individu Muslim yang sejati dan utuh*

### ***Dan akhirnya...***

*Dengan kekuatan dan sokongan dari kalian  
Aku telah berjaya menempuh segala halangan kehidupan  
Serta perjuangan dalam menambah ilmu di dada  
Semoga mendapat keberkatan dari Allah Taala  
Di atas segala usaha ku itu.*

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Segala puji bagi Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam, Yang Maha Berkuasa lagi Maha Pemurah. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad s.‘a.w kekasih Allah, ahli keluarga, para sahabat baginda dan sekalian nabi dan rasul, para anbiya’ seluruhnya.

Segala kesyukuran terhadap Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya penulis akhirnya dapat menyiapkan penulisan ilmiah yang bertajuk; *Konsep Zindiq: Kajian Dari Perspektif Pemikiran Islam*, sebagaimana yang telah ditetapkan.

Pada awal penyelidikan, penulis telah menghadapi pelbagai cabaran untuk menyediakan penulisan ilmiah sebagaimana yang telah disiapkan ini. Semua ini adalah hasil dorongan dan bantuan terutamanya daripada Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, iaitu selaku Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam sesi 2004/2005. Beliau juga tidak asing lagi sebagai pensyarah dan penyelia bagi penulisan ilmiah ini. Beliau sering memberikan kata-kata perangsang kepada penulis khususnya dalam proses mendapatkan maklumat terhadap kajian yang dilakukan. Semoga tunjuk ajar beliau akan dibalas dengan ganjaran dan rahmat dari Allah s.w.t.

Jutaan terima kasih juga kepada ayahanda dan bonda penulis iaitu Ab.Illah Harun dan Safinah Abdul Rahman yang telah bersusah payah memberikan pendidikan

di tahap awal, dan sentiasa mendoakan segala usaha penulis lebih-lebih lagi dalam penyelidikan ini. Penulis berasa bangga kerana mereka tetap menunjukkan semangat agar penulis berjaya dalam melakukan penyelidikan ilmiah ini. Harapan penulis agar Allah s.w.t akan sentiasa memberkati mereka dunia dan akhirat.

Penulis menukilkan sekalung penghargaan buat insan yang teristimewa iaitu Mohd. Hasaidi Hassan yang tidak jemu memberikan kata semangat tatkala penulis buntu dalam proses melengkapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Muhammad Yusri dan Kak Za yang selalu membantu penulis dalam proses menyiapkan tesis ini. Di samping itu ucapan *syukran jazilan* kepada semua teman seperjuangan iaitu Al-Anisah, Aishah, Edi Amin, Munir, Kak Ngah, Safinah dan rakan-rakan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam yang sudi membantu penulis antaranya Nitrah dan mereka yang mengenali diri ini.

Akhir sekali, jutaan maaf dipohonkan di atas kesilapan dan sebarang kekurangan yang berlaku di dalam penyediaan penulisan ilmiah ini. Penulis mengharapkan semoga ia mampu mencetuskan idea kreatif dan kritis kepada individu yang berminat mengkaji dalam penyelidikan seumpama ini.

Sekian, dan terima kasih.

**ZAKIAH AB.LLAH**  
LOT 169  
BATU 7, KAMPUNG MULONG  
JALAN KUALA KRAI  
16010 KOTA BHARU  
KELANTAN DARUL NAIM  
(0139973590/0126883267)

JAMADIL AKHIR 1430H  
MEI 2009M



## SENARAI KANDUNGAN

### KANDUNGAN

### HALAMAN

#### PRELIMINARI

Halaman Tajuk

Abstrak i

Motto

Dedikasi

Penghargaan iii

Senarai Kandungan v

Kaedah Transliterasi viii

Senarai Kependekan x

#### BAB PERTAMA: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1.2 Latar belakang Masalah 1

1.3 Pernyataan Masalah Kajian 2

1.4 Tujuan/Objektif Kajian 3

1.5 Kepentingan Kajian 4

1.6 Pengertian Tajuk 5

1.7 Skop Kajian 6

1.8 Metodologi Penyelidikan	7
1.9 Sistematis Penulisan	12
1.10 Sorotan Kajian ( <i>Literature Review</i> )	13

## **BAB KEDUA: DEFINISI TERMINOLOGI *ZINDIQ***

2.1 Pendahuluan	
2.2 Pengertian terminologi <i>zindiq</i>	
2.2.1 Dari perspektif bahasa	17
2.2.2 Dari perspektif istilah	
i. Terminologi	22
ii. al-Quran	26
iii. al-Hadith	32

## **BAB KETIGA: KEMUNCULAN TERMINOLOGI *ZINDIQ* DALAM PEMIKIRAN ISLAM**

3.1 Pendahuluan	
3.2 Sejarah kemunculan istilah <i>zindiq</i>	39
3.2.1 <i>Zindiq</i> dan agama Zoroaster	44
3.2.2 <i>Zindiq</i> dan agama Manuwiyyah	49
3.2.3 <i>Zindiq</i> dan agama Mazdakiyyah	57
3.3 Ciri-ciri golongan <i>zindiq</i>	60

## **BAB KEEMPAT: KONSEP *ZINDIQ* DAN HUBUNG KAITNYA**

### 4.1 Pendahuluan

### 4.2 *Zindiq* dan persoalan yang dikaitkan 64

#### 4.2.1 *Zindiq* dan *qadariyyah* 65

#### 4.2.2 *Zindiq* dan *kafir* 69

#### 4.2.3 *Zindiq* dan ateis 76

## **BAB KELIMA: KESIMPULAN DAN SARANAN**

### 5.1 Kesimpulan Kajian 80

### 5.2 Saranan dan Cadangan 84

## **BIBLIOGRAFI**

## KAEDAH TRANSLITERASI

Transliterasi huruf rumi adalah berpandukan Kementerian Pendidikan Malaysia (1990), *Gaya Dewan, Sebuah Panduan Kerja Penerbitan*, edisi 2, Kuala Lumpur: DBP, h.135-136.

Konsonan			
Huruf 'Arab	Nama Dan Transkripsi	Huruf 'Arab	Nama Dan Transkripsi
ا, ء	Alif : a, ' (Hamzah)	ط	Ta' : t
ب	Ba' : b	ظ	Za' : z
ت	Ta' : t	ع	`ayn : '
ث	Tha' : th	غ	Ghayn : gh
ج	Jim : j	ف	Fā' : f
ح	Hā' : h	ق	Qāf : q
خ	Kha' : kh	ك	Kāf : k
د	Dal : d	ل	Lām : l
ذ	Dhal : dh	م	Mim : m
ر	Ra' : r	ن	Nūn : n
ز	Zay : z	و	Waw : w
س	Sin : s	ی	Ya' : y
ش	Syin : sy	ة	Ta' (Marbutah) : h
ص	Sād : s	ه	Hā' : h
ض	Dād : d		

Vokal			
Panjang		Pendek	
Huruf 'Arab	Nama Dan Transkripsi	Huruf 'Arab	Nama Dan Transkripsi
آ	ā	ـَ	(Fathah) : a
أ	ū	ـُ	(Dhammah) : u
إ	i	ـِ	(Kasrah) : i

Diftong	
Huruf 'Arab	Nama Dan Transkripsi
أو	aw
أي	ay
ي	iy/i
و	uww

Nota:

Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia.

## SENARAI KEPENDEKAN

Bhd.	-	Berhad
Bil.	-	Bilangan
c.	-	Cetakan
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	-	Doktor
ed.	-	Editor
e.	-	Edisi
et al.	-	ambil tempat penulis yang lebih daripada dua orang
H	-	Hijrah
h.	-	Halaman
Ibid.	-	Ibidem: pada tempat yang sama
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
j.	-	Jilid
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
M	-	Masehi
op.cit.	-	Opera Citato: dalam karya yang dirujuk sebelum
Prof.	-	Profesor
s. 'a.w	-	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
SM	-	Sebelum Masehi
s.w.t	-	Subhanahu Wa Ta'ala
Sdn.	-	Sendirian
T.T.P.	-	Tanpa tempat penerbitan

t.t.	-	Tanpa Tarikh
terj.	-	Terjemahan
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
v.	-	Volume
YADIM	-	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

# **BAB PERTAMA**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Penyelidikan ilmiah merupakan suatu penulisan yang mendedahkan maklumat berkaitan idea dan pemikiran terhadap sesuatu perkara dan isu yang timbul dalam kehidupan kini. Demikian itu, sudah semestinya ia memerlukan kepada pengenalan awal tentang konsep yang diketengahkan itu. Hal ini tidak asing lagi dengan penyelidikan yang dijalankan oleh penulis iaitu dengan menghuraikan penggunaan istilah *zindiq* yang tiba-tiba muncul dalam kehidupan dan pemikiran individu Muslim di alaf modenisasi ini.

### **1.2 Latar belakang Masalah**

Dewasa kini umat Islam sering diselubungi dengan pelbagai fenomena yang melemahkan umat Islam dari pelbagai situasi. Cabaran paling ketara yang diteliti oleh penulis adalah berkaitan dengan serangan-serangan yang berbentuk maya seperti serangan pemikiran, serangan istilah dan sebagainya lagi.

Umumnya penulis berpendapat bahawa tahap kesedaran individu Muslim khususnya pada hari ini semakin merosot kerana sering mengambil mudah mengenai permasalahan tersebut. Individu Muslim kini hanya menerima sahaja segala bentuk



penemuan terutamanya yang ditonjolkan oleh Barat. Bahkan mereka tidak peka dengan istilah yang digunakan dalam kehidupan seharian antaranya istilah seperti globalisasi, *zindiq* dan pelbagai lagi. Sebenarnya permasalahan sedemikian berpotensi menggugat tahap keimanan dan kepercayaan individu Muslim kerana tidak mengetahui yang mana satu konsep yang ditonjolkan itu benar-benar menepati penggunaannya.

Demikian itu penulis secara langsung mengambil inisiatif untuk mengkaji bentuk-bentuk penggunaan istilah baru dalam kehidupan hari ini. Penelitian terhadap permasalahan umat Islam hari ini adalah suatu cabaran bagi menjelaskan konsep yang akan digunakan dalam kehidupan kini.

### **1.3 Pernyataan Masalah Kajian**

Dalam meneruskan pengkajian ini, penulis telah merumuskan mengenai persoalan sebenar yang akan dikaji. Berdasarkan kepada tajuk kajian, penulis lebih menumpukan kajian tentang konsep atau istilah yang digunakan dalam kehidupan individu Muslim hari ini misalnya mengenai konsep ataupun istilah *zindiq*. Sememangnya individu Muslim kurang inisiatif untuk mendalami permasalahan tentang sesuatu konsep atau istilah yang digunakan hari ini.

Tajuk kajian yang ditonjolkan oleh penulis adalah masalah yang penting yang perlu diketahui oleh individu Muslim keseluruhannya, terutama dalam kehidupan dunia akhir zaman ini. Selain daripada itu pengkaji akan mendalami juga persoalan-

persoalan yang timbul daripada kajian yang akan dijalankan ini. Unsur-unsur yang boleh diketengahkan antaranya berkaitan;

- § Definisi dan maksud konsep *zindiq* berdasarkan beberapa perspektif yang dikaji oleh penulis.
- § Penelitian terhadap sejarah kemunculan konsep *zindiq* yang muncul dalam pemikiran dan kehidupan individu Muslim kini.
- § Ciri-ciri yang menjelaskan konsep tersebut dengan lebih terperinci.
- § Pemerhatian terhadap sebab-sebab individu Muslim kini kurang berpengetahuan terutamanya dalam penggunaan istilah yang baru ditonjolkan seperti istilah *zindiq* ini.

#### **1.4 Tujuan/Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan hendaklah mempunyai hala tuju yang tersendiri. Hal ini bertujuan supaya kajian tersebut boleh dicapai dan mempunyai hasil yang mantap untuk rujukan dan panduan. Penyelidikan yang mantap adalah penyelidikan yang diselarikan dengan tujuan yang bersistematik dan objektif yang tersusun rapi. Penulis telah menggariskan beberapa objektif atau tujuan dalam kajian ini iaitu;

- i. Penulis ingin membongkar penggunaan istilah dan konsep yang timbul dalam pemikiran Islam misalnya konsep *zindiq*.
- ii. Penulis ingin mengkaji maksud istilah *zindiq* yang akhirnya merumuskan suatu kesimpulan terhadap konsep yang digunakan.

- iii. Penulis akan mengkaji kesinambungan dan hubungan yang wujud terhadap konsep *zindiq* dengan persoalan yang dikaitkan seperti *qadariyyah*, *kafir* dan ateis dalam Pemikiran Islam.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Penulis telah mengambil satu inisiatif untuk mengkaji konsep *zindiq* yang telah muncul dalam Pemikiran Islam. Hal ini adalah kerana masyarakat secara umumnya kurang berpengetahuan secara mendalam mengenai sesuatu konsep yang dibincangkan dalam perbincangan Pemikiran Islam, terutamanya istilah *zindiq* ini.

Di samping itu, kajian ini adalah sebagai dapatan maklumat untuk menjelaskan kepada masyarakat dan umat Islam tentang istilah *zindiq* yang sering digunakan. Daripada kesedaran tersebut penulis juga mencuba untuk menghuraikan perkaitan konsep tersebut serta hubungan di antaranya misalnya, konsep *zindiq* dan hubungannya dengan *qadariyyah*, *kafir* dan ateis. Perbincangan awal ini juga akan memberikan gambaran awal kepada masyarakat umumnya tentang konsep tersebut.

Seterusnya penulisan ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji yang akan datang memandangkan ia masih tidak dikaji lagi secara lebih mendalam walaupun telah terdapat pengkaji yang mengkajinya, tetapi dalam perspektif yang berbeza.

## 1.6 Pengertian Tajuk

Sebelum penulis meneliti penulisan ini dengan lebih mendalam lagi, penulis terlebih dahulu akan menjelaskan definisi dan konsep mengenai tajuk kajian, “*Konsep Zindiq: Kajian Dari Perspektif Pemikiran Islam*”. Penulis akan menjelaskan istilah-istilah utama yang terdapat dalam tajuk kajian ilmiah ini.

Perkataan *konsep* adalah merujuk kepada perkataan *konsepsi* iaitu pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan atau idea.<sup>1</sup> Ia juga sering dikaitkan dengan suatu rencana, pandangan, dan wawasan serta pendapat.<sup>2</sup> Sementara perkataan *zindiq* secara umumnya membawa maksud orang yang sesat, dan orang yang tidak percaya terhadap agama Allah s.w.t.<sup>3</sup> Perkataan *zindiq* ini juga merangkumi individu yang imannya telah terpesong ataupun telah dipesongkan.<sup>4</sup>

Manakala perkataan *perspektif* pula berkaitan dengan maksud visi, anggapan dan pentafsiran tentang sesuatu yang diselidiki.<sup>5</sup> Kemudian istilah *Pemikiran Islam* sebenarnya merangkumi dua penggunaan suku kata iaitu perkataan *pemikiran* dan *Islam*. *Pemikiran* sering kali ditafsirkan sebagai perihal berfikir atau memikir tentang sesuatu perkara.<sup>6</sup> *Islam* pula diambil daripada perkataan Bahasa ‘Arab yang bererti

---

<sup>1</sup>Noresah Baharom (Hjh) et al. (ed) (1997), *Kamus Dewan*, e. 3, c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 702.

<sup>2</sup>Zainal Abidin Safarwan (Hj) (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., h. 2195.

<sup>3</sup>Perkataan ini sering diistilahkan sebagai *heretic* atau *atheist* dalam Bahasa Inggeris. Lihat Awang Sudjai Hairul (Drs) & Yusoff Khan (1982), *Kamus Lengkap*, Singapura: National Printers Ptd. Ltd., h. 1243.

<sup>4</sup>Zainal Abidin Safarwan (Hj), *op.cit.*, h. 2195.

<sup>5</sup>*Ibid.*, h. 1426.

<sup>6</sup>Hasan Hamzah (ed) (1997), *Kamus Insiklopedia*, j. 1, Selangor: Anzagain Sdn. Bhd., h. 253.

menyerahkan diri kepada Allah.<sup>7</sup> Oleh yang demikian itu istilah *Pemikiran Islam* lebih merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan pencipta iaitu Allah s.w.t, alam dan manusia. Ia juga merupakan ijthad akal manusia dalam mentafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam.<sup>8</sup>

Penelitian terhadap pengertian tajuk adalah suatu perkara yang penting kerana melaluinya penulis akan dapat memfokuskan elemen yang hendak dikaji secara umumnya. Hal ini juga akan memudahkan penulis untuk mengemukakan situasi awal tentang penyelidikan konsep *zindiq* sebelum menelusuri dengan lebih mendalam lagi.

## **1.7 Skop Kajian**

Melalui penulisan ilmiah ini penulis telah memfokuskan perbincangan kepada persoalan *zindiq* dengan meneliti skop pendefinisian dari perspektif bahasa dan istilah. Dari perspektif istilah pendefinisian perkataan *zindiq* ini turut diteliti dari sudut terminologi, al-Quran, dan al-Hadith.

---

<sup>7</sup>Penggunaan perkataan Islam di sini difokuskan kepada agama Islam iaitu agama yang kitabnya diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s. 'a.w berdasarkan kepada enam Rukun Iman dan lima Rukun Islam. Lihat Sutan Mohammad Zain (t.t), *Kamus Moden Bahasa Indonesia*, Jakarta: Penerbitan Grafica, h. 314.

<sup>8</sup>Mohamad Kamil Abdul Majid (Prof. Madya) (1995), *Jurnal Usuluddin*, "Pemikiran Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke-21M", c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 134. Lihat S.Waqar Ahmed Husaini (2001), *Islamic Thought*, India: Goodword Press, e. 2, h. 8. Lihat juga Jones, Lindsay (ed) (2005), *Encyclopedia of Religion*, v. 7, United States of America: Thomson Gale, h. 4712.

Pada masa yang sama penulis turut membataskan fokus persoalan dan istilah *zindiq* yang dibincangkan kepada teori asal usul kemunculan perkataan *zindiq*. Hal tersebut adalah maklumat yang penting dalam menyatakan kesimpulan dan rumusan terhadap pendefinisian konsep *zindiq* yang dibahaskan.

Manakala kesinambungan atau hubung kait perkataan *zindiq* hanya dibincangkan terhadap beberapa persoalan tertentu. Hubung kait yang dikenal pasti dalam perbincangan konsep *zindiq* dengan istilah-istilah lain antaranya *zindiq qadariyyah*, *zindiq kafir*, dan *zindiq ateism*. Perbincangan yang dibahaskan akan menjelaskan konsep *zindiq* yang dikaji, dan seterusnya merumuskan kesimpulan khusus tentang konsep *zindiq* yang dibincangkan.

## **1.8 Metodologi Penyelidikan**

Metodologi merupakan suatu kaedah atau sistem yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan terutamanya penyelidikan ilmiah ini. Ia mengandungi beberapa kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin dan sebagainya.<sup>9</sup> Sebenarnya kaedah atau metodologi penyelidikan ini mempunyai asasnya yang tersendiri dan merangkumi beberapa asas kaedah yang penting. Daripada penelitian penulis terhadap metodologi tersebut, maka penulis telah meneliti metode penyelidikan yang sesuai digunakan dalam proses pengumpulan data kajian ilmiah ini. Penulis telah memilih satu sahaja metode yang sesuai dengan kajian ilmiah penulis iaitu;

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 887.

## ✓ Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

### **Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)**

Penyelidikan perpustakaan atau lebih dikenali sebagai *library research* merupakan kajian yang dilakukan dengan meneliti fakta, kandungan atau maklumat yang terdapat di dalam perpustakaan. Selain daripada itu juga penulis dapat mendekati beberapa saluran utama dalam proses mengumpulkan maklumat tentang kenyataan yang dikaji. Ia berkait rapat dengan dokumen penting termasuklah buku dan penulisan ilmiah, jurnal, kertas persidangan dan sebagainya lagi.

Lantaran daripada itu penulis telah berkunjung ke beberapa buah perpustakaan untuk mencapai tujuan penulis tersebut. Perpustakaan-perpustakaan tersebut termasuklah;

- ✓ Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- ✓ Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- ✓ Perpustakaan Pra Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri.
- ✓ Perpustakaan Negara Malaysia.
- ✓ Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- ✓ Perpustakaan Awam Negeri Kelantan Darul Naim.

Sementara itu penulis telah menggunakan beberapa kaedah dalam proses mengumpulkan maklumat dan data berkaitan kajian yang hendak dikaji. Berdasarkan

kepada kajian yang dijalankan penulis berpandangan terdapat dua jenis metode yang diperlukan untuk mendapatkan maklumat kajian iaitu;

- i. Metode Historis
- ii. Metode Dokumentasi

### **Metode Historis**

Metode ini merupakan metode yang sering digunakan oleh penulis dalam menyediakan maklumat kajian ilmiah. Dalam metode ini penulis akan dapat meninjau berkaitan sejarah tentang elemen yang dikaji umpamanya dapat mencungkil sejarah dan asal-usul konsep *zindiq* dengan lebih terperinci lagi. Di samping itu, penulis dapat menghuraikan latar belakang kemunculan konsep tersebut dengan jelas. Misalnya, penulis menjalankan pemerhatian terhadap fakta-fakta sejarah menerusi buku-buku falsafah dan Pemikiran Islam dengan memfokuskan sejarah kemunculan perkataan *zindiq*. Penelitian yang dilakukan dapat membantu penulis menghuraikan latar belakang dan sejarah perkataan *zindiq* yang telah digunakan.

### **Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi ini adalah metode yang amat penting dalam proses pengumpulan data penyelidikan. Metode dokumentasi adalah metode yang berbentuk teks bertulis yang berupa buku, makalah, tulisan ilmiah dan seumpama dengannya. Metode ini sering digunakan oleh penulis dalam menjalankan penyelidikan. Ini adalah kerana melalui dokumen, penulis akan dapat menjelaskan fakta berkaitan konsep



*zindiq* misalnya dengan berpandukan dokumen yang telah dirujuk. Penulis akan mengenal pasti hadith *mawd'u* yang menumpukan persoalan *zindiq* terutamanya dalam bab perpecahan umat Islam kepada beberapa golongan. Penulisan ilmiah atau kajian ilmiah seperti jurnal dan tesis juga merupakan dokumen yang penting dalam meneruskan kajian ini.

Pada masa yang sama penulis telah menggunakan beberapa kaedah untuk menganalisis data yang telah didapati antaranya:

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

### **Metode Induktif**

Metode ini merupakan suatu kaedah dalam menganalisis data yang telah dikumpulkan. Penulis akan menganalisis data tersebut secara khusus atau terhad dengan menghuraikannya dengan lebih jelas dan umum.<sup>10</sup> Penulis mendapati perkataan *zindiq* daripada konsepnya yang awal sebenarnya mempunyai pelbagai maksud. Walaupun demikian kesimpulan awal daripada maksud-maksud yang ditemui telah menjelaskan penggunaan perkataan tersebut sehingga ia telah menular ke dalam kehidupan dan pemikiran individu Muslim.

---

<sup>10</sup>Idris Awang (Prof. Madya) (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 82.

## **Metode Deduktif**

Manakala metode deduktif pula merupakan suatu pendekatan yang membolehkan penulis atau penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang dibentuknya sendiri dan menjelaskan unsur-unsur yang dikaji.<sup>11</sup> Penulis akan merangka suatu idea tentang konsep *zindiq* yang dikaji dan menghuraikannya dengan terperinci supaya suatu kesimpulan khusus dapat difahami melalui konsep tersebut. Berdasarkan penelitian penulis telah berpendapat bahawa istilah *zindiq* adalah istilah yang digunakan dengan menumpukan terhadap individu yang menyimpang dari landasan ajaran agama Islam.

## **Metode Komparatif**

Selain daripada kedua-dua metode tersebut, penulis juga menggunakan metode perbandingan atau lebih dikenali sebagai metode komparatif. Apabila merujuk kepada metode ini, penulis cuba untuk mencari suatu perbandingan terhadap elemen yang dibincangkan dari segi persamaan dan perbezaannya. Umpamanya penulis akan mencungkil apakah perkataan *zindiq* mempunyai persamaan atau perbezaan atau hubungan dengan perkataan *qadariyyah*, *kafir* dan ateis. Penulis juga akan melihat perkara tersebut dari beberapa sudut merangkumi pendefinisian, penggunaan istilah, serta pengaruhnya.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 83.

## 1.9 Sistematik Penulisan

Sebelum penulis memperincikan lagi penulisan kajian ilmiah ini, penulis telah membahagikan penyelidikan ini kepada lima bahagian utama yang merangkumi bahagian pertama iaitu bahagian pendahuluan kajian.

Secara ringkasnya bab pertama adalah bab yang terawal dan ia adalah sebagai bab pendahuluan dan pengenalan terhadap penyelidikan ilmiah ini. Menerusinya perbincangan difokuskan terhadap latar belakang masalah kajian, objektif, dan kepentingan kajian. Di samping itu elemen berkaitan skop kajian, pendefinisian tajuk, metodologi serta tinjauan kajian lepas juga disertakan dengan lebih terperinci lagi.

Seterusnya maklumat tentang kajian ini dimulakan dengan bab yang kedua iaitu perbincangan secara berperingkat dan menyeluruh mengenai konsep *zindiq*. Di sini penelitian dilakukan berkaitan pengertian konsep tersebut dari beberapa sudut antaranya dari perspektif bahasa, istilah yang merangkumi terminologi al-Quran dan al-Hadith. Umumnya bab ini membincangkan pendefinisian konsep *zindiq* secara terperinci menurut beberapa sudut tersebut.

Kemudian fokus utama penulis adalah terhadap bab yang ketiga dan bab yang keempat. Ini adalah kerana kedua-dua bab tersebut merupakan data yang penting selepas bab yang kedua dalam perbincangan kajian ilmiah ini. Perbincangan menerusi bab yang ketiga ini melibatkan sejarah kemunculan terminologi *zindiq* yang dilihat menerusi agama Zoroaster, agama Manuwiyyah dan agama Mazdakiyyah serta

prinsip-prinsip dasarnya. Kemudian daripada perbincangan tersebut maka ciri-ciri golongan *zindiq* dapat dikenal pasti dengan lebih dekat lagi.

Pada masa yang sama penulis telah membincangkan konsep *zindiq* dan hubung kaitnya dengan beberapa istilah penting yang sering diperkatakan dalam penulisan dan ucapan ilmiah umum. Konsep *zindiq* tersebut sering dikaitkan dengan istilah yang biasa digunakan oleh individu Muslim misalnya *zindiq* dikaitkan dengan istilah *qadariyyah*, *kafir*, ateis dan sebagainya. Perkaitan yang dibincangkan akan menunjukkan sejauh mana pengaplikasian kemunculan konsep tersebut dalam Pemikiran Islam hari ini.

Melalui bab yang kelima penulis akhirnya telah mencapai matlamat dan maklumat tentang konsep *zindiq* yang telah dikaji. Kesimpulan mengenai penyelidikan ini telah dimuatkan dalam bab tersebut khususnya merangkumi cadangan dan rumusan terhadap kajian penulis serta rujukan yang berkaitan dengan konsep *zindiq* yang telah diselidiki. Saranan penulis agar penyelidikan ilmiah ini dapat membuka minda individu Muslim di zaman moden ini terhadap konsep yang timbul dengan menelitinya terlebih dahulu, dan bukannya hanya menerima semata-mata sesuatu konsep baru yang tidak diketahui dari mana asal-usulnya.

### **1.10 Sorotan Kajian (*Literature Review*)**

Dalam menjalankan penyelidikan ilmiah ini penulis telah meninjau beberapa bahan dan kajian lepas yang digunakan sebagai sorotan kajian atau sebagai tinjauan

bahan yang bertepatan dengan konsep yang telah dikaji. Tinjauan dan *literature review* yang telah dilakukan itu antaranya terdiri daripada buku-buku penulisan ilmiah dan tesis serta disertasi yang telah dikaji oleh penyelidik tahun-tahun sebelum ini. Perkara ini sebenarnya membantu penulis dalam mengumpulkan bahan dan gambaran awal tentang kajian yang dikaji.

Terdapat beberapa kajian tinjauan yang telah dikenal pasti sebagai asas dalam penyelidikan penulis ini. Antaranya buku yang ditulis oleh Ahmad bin Hanbal bertajuk *Al-Radd 'ala al-Jahmiyyah wa al-zanadiqah*<sup>12</sup> yang banyak memfokuskan gambaran awal tentang penyelidikan yang dilakukan, terutamanya berkaitan dengan persoalan *zindiq* dan penggunaan perkataan tersebut. Di samping itu, penulis telah memperoleh maklumat penting khususnya berkaitan dengan konsep *zindiq* yang bincangkan.

Menerusi buku *Al-Radd 'ala al-Jahmiyyah*<sup>13</sup>, tulisan 'Uthman bin Sa'id al-Darimi al-Shafi'i pula menjelaskan golongan *al-Jahmiyyah*. Walaupun begitu, istilah atau perkataan *zindiq* turut dibincangkan secara umumnya sahaja. Selain dari itu, ia juga menceritakan kehancuran umat tidak akan berlaku sehingga munculnya golongan yang dikenali sebagai golongan *zindiq* sebagaimana penyelidikan yang dikaji oleh penulis ini.

---

<sup>12</sup>Ahmad bin Hanbal (1977), *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah wa al-zanadiqah*, 'Abd al-Rahman 'Umairah (Dr.) (*ditahqiq*), ar-Riyadh: Dar al-Liwa'.

<sup>13</sup>al-Shafi'i, 'Uthman bin Sa'id al-Darimi (1961), *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah*, T.T.P: Mansyurat al-Maktabah al-Islami.

Seterusnya penulis telah dapat mengenal pasti riwayat dan hadith yang menerangkan golongan umat Islam yang terpecah kepada beberapa kumpulan iaitu salah satu daripadanya dikaitkan dengan golongan *al-zanadiqah*. Perbincangan ini dimuatkan dalam *Kitab al-Mawdu'at* yang dikarang oleh Abi al-Farraj 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin al-Jawzi al-Qarsyi.<sup>14</sup> Melalui penulisannya penulis akan dapat mengkaji riwayat atau hadith secara terperinci yang membincangkan bab perpecahan umat Islam kepada beberapa golongan tersebut.

Selain daripada itu, penulis juga telah menyelidiki sebuah karangan yang dikarang oleh 'Abd al-Rahman Badawi iaitu *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam*, yang telah diterjemahkan oleh Khoiron Nahdiyyin dengan tajuknya; *Sejarah Ateis Islam: Penyelewengan, Penyimpangan dan Kemapanan*.<sup>15</sup> Ia adalah suatu penulisan ilmiah yang penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan data asal daripada maklumat yang telah dijelaskan dalam penulisan buku tersebut. Demikian itu penulis akan dapat memantapkan penyelidikan tentang konsep *zindiq* yang sedang dijalankan ini.

Penulis turut meneliti sebuah buku yang bertajuk *I'tiqadat firqah al-muslimin wa al-musyrikin* yang menyatakan berkaitan dengan kisah golongan Mu'tazilah, Khawarij, Rafidah dan sebagainya. Penulisan yang dikarang oleh Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Khattab al-Razi<sup>16</sup> ini juga membincangkan persoalan golongan Majusi, Zoroaster dan Manuwiyyah. Di samping itu, permasalahan istilah

---

<sup>14</sup>al-Qarsyi, Abi al-Farraj 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin al-Jawzi (1966), *Kitab al-Mawdu'at*, an-Nasyir, 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman (*ditahqiq*), Madinah: Sahib al-Maktabah al-Salafiyyah.

<sup>15</sup>'Abd al-Rahman Badawi (1945), *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam, Sejarah Ateis Islam: Penyelewengan, Penyimpangan dan Kemapanan*, Khoiron Nahdiyyin (*terj.*), LKIS Yogyakarta: Yogyakarta.

<sup>16</sup>al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Khattab (1978), *I'tiqadat firqah al-muslimin wa al-musyrikin*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.

*zindiq* juga dijelaskan dengan mengaitkan beberapa golongan tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan.

Walaupun begitu, penulis telah mendapati bahawa kajian ilmiah ini sebenarnya mempunyai kesinambungan dengan konsep ateis menerusi penulisan tesis ilmiah di peringkat Sarjana Muda yang diketengahkan oleh Samhan Alias dengan tajuknya, *Ateisme dan Ilhad: Suatu Kajian Perbandingan*.<sup>17</sup> Namun begitu kajian tersebut hanya membahaskan perbandingan dari dua konsep iaitu konsep ateis dan *ilhad*. Penulis akan meneruskan pengkajian ini dengan membincangkan terminologi *zindiq* serta perkara yang berkaitan dengannya secara terperinci lagi.

Sepanjang penelitian penulis terhadap penulisan ilmiah atau tesis-tesis ilmiah yang memfokuskan terhadap kajian konsep *zindiq* ini, penulis masih tidak menemui sebarang penulisan yang benar-benar membincangkan konsep tersebut secara fokus dan mendalam. Perkara yang dibincangkan hanya berkaitan dengan maksud perkataan *zindiq* umpamanya *zindiq* dikaitkan dengan *bid'ah*, ateis dan sebagainya. Hal ini amat berbeza dengan kajian yang diperincikan oleh penulis yang lebih memfokuskan terhadap istilah *zindiq*, kemunculan dan perkaitannya dari dimensi Pemikiran Islam.

---

<sup>17</sup>Samhan Alias (2002), "Ateisme dan Ilhad: Suatu Kajian Perbandingan" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan.)

## **BAB KEDUA**

### **DEFINISI TERMINOLOGI *ZINDIQ***

#### **2.1 Pendahuluan**

Terminologi *zindiq* sering kali dapat dilihat menerusi penulisan-penulisan ilmiah dan ia dikaitkan dengan perbincangan umat Islam yang berpecah kepada beberapa kumpulan atau golongan. Walaupun begitu tidak terdapat perbincangan yang diketengahkan secara khusus dan terperinci tentangnya. Seseengah pendapat ada yang menyatakan umat Islam terpecah kepada tujuh puluh dua golongan, atau tujuh puluh tiga golongan dan pelbagai pendapat lagi. Golongan-golongan ini dikatakan akan berada di dalam syurga dan ternyata hanya satu golongan sahaja yang berada di dalam neraka iaitu golongan *zindiq*<sup>18</sup>

#### **2.2 Pengertian Konsep *Zindiq***

##### **2.2.1 Dari perspektif bahasa**

Setelah dikaji dengan teliti penulis dapat mengenal pasti pendefinisian *zindiq* dari sudut bahasa. Penulis telah mendapati terdapat pelbagai maksud yang menjelaskan konsep *zindiq* tersebut. Perkataan *zindiq* telah muncul sebagai perkataan

---

<sup>18</sup>al-Qarsyi, Abi al-Farraj ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin al-Jawzi (1966), *Kitab al-Mawdu‘at*, Madinah al-Munawwarah: Sahib al-Maktabah., h. 267.



(تَزَنَدِقُ) yang bermaksud menjadi seorang ateis atau *freethinker*. Kemudian perkataan (زَنَدِقَةٌ) pula diertikan sebagai seorang yang ateis. Perkataan (زَنْدِيقُ) dan (زَنَادِقَةٌ) memfokuskan seseorang individu yang tidak boleh dipercayai iaitu yang dikenali sebagai fahaman ateisme dan golongan *freethinker*.<sup>19</sup>

Di samping itu, penulis telah meneliti perkataan *zindiq* dan mengklasifikasikan kelaziman penggunaannya yang sering ditemui dalam penulisan-penulisan ilmiah secara tidak langsung iaitu seperti berikut;

( زَنْدِيقُ – الزَنْدِيقُ – الزَنْدِيقُ – الزَنْدِيقُ – تَزَنَدِقُ )

Perkataan (الزَنْدِيقُ) dalam bahasa ‘Arab ini adalah salah satu istilah bahasa yang kebiasaannya difokuskan terhadap penggunaan perkataan *zindiq* yang dirujuk dalam Bahasa Melayu. Demikian itu ia telah menjadi suatu perkataan yang biasa didengar oleh segelintir penyelidik dan pengkaji ilmiah. Pengertiannya secara umum dapat dilihat sebagaimana berikut;<sup>20</sup>

"زندق : الزَنْدِيقُ : القائل ببقاء الدهر، فارسي معرب وهو  
الفرسية : زَنْدِيقُ، يقول بدوام بقاء الدهر"

Maksudnya:

<sup>19</sup>Wehr, Hans (1960), Milton, J. (ed.), *A Dictionary of Modern Written Arabic-English*, c. 3, London: Macdonald & Evans, h. 383.

<sup>20</sup>Ibn Manzur (1994), *Lisan al-‘Arab*, j. 5, c. 3, Beirut: Dar al-Sadir, h. 147.

“Seseorang yang berpendapat bahawa masa adalah kekal, ia adalah daripada perkataan Parsi yang ditulis dalam bahasa ‘Arab yang diambil daripada perkataan *zandekara* dengan menyatakan bahawa masa adalah sesuatu yang kekal.”

Sehubungan dengan penghuraian tersebut, terdapat beberapa pendapat yang telah dikemukakan mengenai penggunaan perkataan *zindiq* yang dikaji ini. Ahmad bin Yahya khususnya telah mengemukakan bahawa perkataan (فرزین *atau* زندق) adalah bukan daripada perkataan bahasa ‘Arab. Tetapi perkataan *zindiq* ini turut menjadi satu gelaran terhadap seseorang individu apabila ia mempunyai sifat bakhil yang melampau sebagaimana yang dinyatakan dalam percakapan masyarakat ‘Arab iaitu,<sup>21</sup>

...إنما تقول العرب : رجل زندق و زنديقي إذا كان شديد البخل...

Pada masa yang sama pengertian perkataan *zindiq* dalam masyarakat ‘Arab yang juga diertikan dengan pengertian tertentu yang merujuk kepada individu yang bersifat *mulhid* dan *dahriy*. Hal ini dibincangkan lagi dengan dinyatakan bahawa,<sup>22</sup>

... فإذا أرادوا معنى السنّ ، قالوا : دهرى. وقال سبويه الهاء فى زنادقه وفرازنه عوض من الياء فى زنديق وفرزين وأصله الزناديق...

Kemudian al-Jauhari menjelaskan perkataan (زندق) dengan maksud;<sup>23</sup>

<sup>21</sup> *Ibid.*. Lihat al-Fairuzabadi, Mujid al-Din Muhammad bin Ya‘qub (t.t), *al-Qamus al-Muhit*, j. 3, Kaherah: Muassasah al-Jaliy, h. 242.

<sup>22</sup> *Ibid.*. Lihat Ahmad Nagari, ‘Abd al-Nabiyy bin ‘Abd al-Rasul al-‘Uthmaniyy (1331 H), *Jam‘i al-‘Ulum al-Mulaqab bi dustur al-‘Ulama*, j. 2, India: Hyderabad-DN.7, h. 157.

<sup>23</sup> *Ibid.*. Lihat Lane, Edward William (1978), *An Arabic-English Lexicon*, bahagian ke-3, Pakistan: Islamic Book Centre, h. 1258.

...الزَّنْدِيقُ مِنَ الثَّنَوِيَّةِ وَهُوَ مَعْرَبٌ، وَالْجَمْعُ الزَّنَادِقَةُ. وَقَدْ تَزَنَّيَ  
وَالْإِسْمُ الزَّنْدِيقَةُ...

Seterusnya perkataan *zindiq* turut merujuk kepada individu yang sesat atau individu yang tidak mempercayai agama Allah s.w.t<sup>24</sup> yang sebenarnya. Ia juga dikaitkan dengan individu yang imannya telah terpesong atau dipesongkan.<sup>25</sup>

Perkataan *zindiq* adalah tergolong dari kata nama yang menjelaskan orang yang tersesat imannya ataupun terpesong agamanya. Perkataan *berzindiq* iaitu membuat *zindiq* dalam bentuk kata kerja pula menjelaskan bahawa seseorang yang menyimpang daripada ajaran agama.<sup>26</sup> Ia juga dikatakan sebagai;

...to betray one's religion, do not believe in God<sup>27</sup>...

Perkataan *zindiq* turut digolongkan dalam perkataan bahasa ‘Arab yang bermaksud *kafir* dan *kafir zindiq* pula dimaksudkan dengan seseorang atau individu yang *kafir* dan tidak memerangi individu Islam.<sup>28</sup> Perbahasan dari perspektif bahasa ini hanya menjurus kepada maksud perkataan *zindiq* secara mendatar sahaja dan ia tidak dijelaskan secara lebih mendalam dan khusus.

---

<sup>24</sup>Iaitu agama Islam.

<sup>25</sup>Zainal Abidin Safrawan *et al.* (2002), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 2195.

<sup>26</sup>Kelana C.M & Lai Choy (1998), *Kamus Perwira*, T.T.P: Penerbitan Daya Sdn. Bhd., h. 1680.

<sup>27</sup>*Ibid.*.

<sup>28</sup>Hasan Hamzah (1997), *Kamus Ensiklopedia*, j. 2, Selangor: Anzagain Sdn. Bhd., h. 420.

Secara umumnya pengertian perkataan atau istilah *zindiq* ini dapat disimpulkan sebagaimana berikut;

- a) Individu yang tidak mempercayai Allah s.w.t sebagai Pencipta Yang Maha Esa.
- b) Individu yang kafir tetapi tidak memusuhi pengikut ajaran Islam yang mana dikenali juga dengan kafir *zimmi*.
- c) Individu yang mempunyai sifat bakhil yang melampau.
- d) Individu yang bersifat dan berfahaman ateisme atau *freethinker*.
- e) Individu yang bersifat *mulhid* atau *dahriy*.

### **2.2.2 Dari perspektif istilah**

Selain perbahasan dari sudut bahasa penulis juga telah meneliti pengertian konsep *zindiq* ini dari perspektif istilah yang merangkumi beberapa pembahagian iaitu;

#### **i. Terminologi**

Menurut pengertian terminologi, perkataan *zindiq* merupakan istilah yang telah digunakan untuk menjelaskan suatu keadaan seseorang atau individu yang tidak

mempunyai kesetiaan. Terdapat sesetengah pendapat ada menyatakan bahawa perkataan ini diperolehi daripada bahasa Parsi yang dikenali dengan perkataan *zandin*, manakala setengah yang lain pula menjelaskan bahawa perkataan tersebut berkait rapat dengan perkataan *zand* atau *zend* yang membawa maksud penghuraian (*explanation*) terhadap sebuah buku daripada aliran *Zaradusht* atau *Zoroaster*.<sup>29</sup>

Seterusnya perkataan (الزَنْدَقَةُ) pula bermaksud *sempit*. Apabila dijelaskan dengan lebih khusus ia bermaksud *zindiq daripada seseorang itu disebabkan dirinya amat sempit terhadap sesuatu perkara*. Hal ini dihuraikan lagi dengan maksud perkataan *zindiq* yang spesifik iaitu seseorang yang dirinya tidak beriman dengan hari akhirat dan keesaan pencipta.<sup>30</sup>

Namun begitu istilah *zindiq* secara khususnya dapat dilihat dengan ejaan (الزَنْدُوقُ) dengan huruf (زُ) dan (دُ) yang berbaris *dommah*, sebagaimana penggunaan huruf dan baris pada perkataan (الصُّنْدُوقُ).<sup>31</sup> Pada kebiasaannya istilah *zindiq* ditulis dengan ejaan (الزَنْدِيقُ) yang mana huruf (زُ) dan (دُ) yang berbaris *kasrah*, iaitu mempunyai pengertian yang lebih jelas dengan dinyatakan tentang konsep (النور) iaitu cahaya dan konsep (الظلمة) pula iaitu kegelapan. Dari sudut bahasa pula pengertiannya dijelaskan dengan;<sup>32</sup>

...Seseorang individu atau seseorang manusia yang tidak beriman dengan wujudnya hari akhirat dan tidak mengakui

<sup>29</sup>Hughes, Thomas (1982), *Dictionary of Islam*, c. 3, India: Cosmo Publications New Delhi, h. 713.

<sup>30</sup>*Ibid.*. Lihat Ahmad Nagari, 'Abd al-Nabiyy bin 'Abd al-Rasul al-'Uthmaniyy (1331 H), *Jam'i al-'Ulum al-Mulaqqab bi dustur al-'Ulama'*, j. 2, India: Hyderabad-DN.7, h. 156.

<sup>31</sup> al-Fairuzabadi, Mujid al-Din Muhammad bin Ya'qub (t.t), *op.cit.*, h. 242.

<sup>32</sup>*Ibid.*.

tentang konsep *rububiyah*<sup>33</sup>. Ataupun seseorang yang menyembunyikan kekafiran dan menzahirkan keimanan. Ia juga berhubung kait dengan (دين المرأة) apabila ejaannya diubah kepada perkataan (زَن دِين)...

Muhammad Sabit al-Fandi pula menyatakan bahawa *zindiq* merupakan istilah yang dibawa ke dalam bahasa 'Arab dengan menggunakan perkataan *zind* yang ertinya sama dengan maksud tafsir atau takwil. Oleh sebab itu *zindiq* di sini bermaksud tafsir atau takwil yang keluar dari batas-batas yang semestinya iaitu takwil yang tidak dapat diterima menurut prinsip-prinsip ajaran Islam sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan al-Hadith.<sup>34</sup>

Ibn Hanbal berbeza pendapatnya berkaitan dengan istilah *zindiq* ini. Beliau mendefinisikan ia adalah sama dengan istilah *bid'ah* (iaitu mengada-ngada) atau istilah *ilhad* (ateis). Pada masa yang sama beliau turut menolak penafsiran kaum *zindiq* kerana mereka sering mentakwilkan ayat-ayat al-Quran dengan pentakrifan yang merosakkan ajaran Islam.<sup>35</sup>

Selain daripada itu al-Biq'a'i menjelaskan perkaitan dengan istilah *zindiq* yang juga ditujukan kepada suatu golongan yang mengingkari kewujudan Allah s.w.t ataupun mengingkari hukum-hakam dalam ajaran Islam.<sup>36</sup> Begitu juga dengan al-

---

<sup>33</sup>Adalah salah satu konsep tauhid iaitu konsep kepercayaan kepada wujudnya Allah s.w.t sebagai *Rabb* atau Pencipta di alam ini. Selain daripada itu, wujud juga konsep tauhid *uluhiyyah* iaitu kepercayaan bahawa Allah s.w.t adalah tuhan yang Maha Esa dan Maha berkuasa, serta mempunyai sifat dan nama yang agung yang disemai menerusi konsep kepercayaan kepada tauhid *al-asma' wa al-sifat*. Gabungan ketiga-tiga konsep tauhid ini akan melahirkan individu Muslim yang memiliki konsep kepercayaan dan akidah yang mantap.

<sup>34</sup>H. Kafrawi Ridwan *et al* (Drs.) (1999), *Ensiklopedi Islam*, bil.5, Jakarta: PT Ichtiar Van Hoeve, h. 239.

<sup>35</sup>*Ibid.*

<sup>36</sup>*Ibid.*, h. 240.

Ghazali yang mendefinisikan istilah *zindiq* ini dengan mengkhususkan golongan yang mengingkari kewujudan Allah s.w.t menyatakan bahawa alam ini *qadim*, dan juga mengingkari wujudnya hari akhirat.<sup>37</sup>

Pengertian yang berbeza juga dapat dilihat melalui keterangan daripada seorang ahli sejarah dari Cairo (Mesir) dengan menyatakan istilah *zindiq* ini pada mulanya ditujukan kepada para pengikut aliran Mazdak yang membuat pentafsiran baru terhadap kitab suci *Avesta* (*Zendavesta* atau *buku Zend*), iaitu dengan mentakwilkan isi kitab suci tersebut yang sangat bertentangan dengan maksud yang sebenarnya.<sup>38</sup>

Kamil Mustafa al-Syaibi seorang ulama tasawuf secara khusus dalam bidang tasawuf memfokuskan bahawa orang-orang sufi tertentu sering dipandang sebagai *zindiq* disebabkan ajarannya atau ucapannya yang dianggap sebagai menyimpang daripada ajaran agama yang benar.<sup>39</sup>

Setelah penulis meneliti terhadap maksud perkataan *zindiq*, maka dapat dikenal pasti bahawa ia bukan berasal daripada perkataan 'Arab. Daripada pendefinisian yang telah dihuraikan, penulis telah merumuskan istilah *zindiq* mengikut beberapa konteks utama iaitu;

---

<sup>37</sup>*Ibid.*. Lihat al-Ghazali (1934), *al-Munqidh min al-Dalal*, c. 2, Damsyik: Matba'ah Ibn Zaidun, h. 66-67.

<sup>38</sup>*Ibid.*, h. 239. al-Ahmad Nagari, 'Abd al-Nabiyy bin 'Abd al-Rasul al-'Uthmaniyy (1331 H), *op.cit.*, h. 157.

<sup>39</sup>*Ibid.*, h. 240. Individu yang berpegang kepada ajaran sufi (tasawuf) yang digelar sebagai *zindiq* antaranya termasuklah Dhu al-Nun al-Misri kerana membicarakan ilmu *laduni*. Selain itu al-Hallaj juga dianggap sebagai seorang *zindiq* yang berbahaya terhadap keselamatan agama dan negara kerana ia mengatakan bahawa dirinya adalah Tuhan (konsep *ana al-haq*).

a) Aqidah:

Istilah *zindiq* difokuskan kepada individu yang tidak beriman dengan hari akhirat dan konsep *rububiyyah* serta keesaan Pencipta Yang Maha Berkuasa iaitu Allah s.w.t.

b) Tasawuf dan Sufi:

Apabila dikaji dari aspek ini, istilah tersebut bertumpu kepada budaya mentafsir dan mentakwilkan ayat-ayat al-Quran dengan pentafsiran yang salah sehingga dikaitkan dengan sifat mengada-ngada dan melampau. Ia sering difokuskan kepada prinsip asas agama seseorang individu sufi yang sesat atau menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

c) Kepercayaan aliran Mazdakiyyah:

Istilah *zindiq* ini sinonim dengan kepercayaan para pengikut aliran Mazdak atau Mazdakiyyah yang berasal dari Persia dan sering melakukan penafsiran yang menyeleweng terhadap kandungan kitab suci *Avesta*.

d) Lain-lain:

Selain daripada itu pengertian *zindiq* ini adalah daripada bahasa Parsi yang merujuk kepada pentafsiran khusus yang dilakukan terhadap sebuah kitab suci *Avesta* yang terdapat dalam aliran Zoroaster dengan menggunakan perkataan *zan-din*, *zand* atau *zend*, dan *zind*.

**ii. al-Quran**



Penulis telah meneliti bahawa tidak terdapat penggunaan perkataan ataupun istilah *zindiq* yang dinyatakan secara jelas menerusi al-Quran. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa konsep yang muncul menjuruskan kepada pengertian *zindiq* secara tidak langsungnya. Di antara konsep tersebut adalah seperti istilah *kufir*, *munafiq*, *murtad* dan sebagainya lagi.<sup>40</sup> Di antara contoh konsep tersebut dapat dilihat melalui ayat-ayat al-Quran sebagaimana berikut;

﴿ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي ۚ أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا  
 الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا  
 فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا ۖ يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي  
 بِهِ كَثِيرًا ۗ وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perumpamaan berupa nyamuk atau yang lebih rendah dari itu.<sup>41</sup> Adapun orang-orang yang beriman maka mereka yakin bahawa perumpamaan itu benar dari Tuhan mereka, tetapi mereka yang kafir mengatakan: “Apakah maksud Allah menjadikan ini untuk perumpamaan?.” Dengan perumpamaan itu banyak orang yang disesatkan Allah<sup>42</sup>, dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberi petunjuk, dan tidak ada yang disesatkan Allah kecuali orang-orang yang fasik.”

<sup>40</sup>Terdapat ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan penggunaan istilah sebagaimana yang telah dikemukakan oleh penulis.

<sup>41</sup>Iaitu sewaktu turunnya surah al-Hajj ayat 73 yang mana di dalamnya Allah s.w.t menjelaskan bahawa berhala-berhala yang mereka sembah itu tidak dapat menjadikan lalat, sekalipun mereka melakukannya bersama-sama, dan turunnya surah al-Ankabut ayat 41 yang mana Allah s.w.t menggambarkan kelemahan berhala-berhala yang dijadikan oleh orang-orang musyrik itu sebagai pelindung sama dengan lemahnya sarang labah-labah.

<sup>42</sup>Dalam ayat ini, pernyataan “disesatkan Allah s.w.t” bermaksud bahawa orang itu sesat berhubung keingkarannya dan tidak mahu memahami petunjuk-petunjuk Allah s.w.t. Ini adalah kerana mereka itu ingkar dan tidak mahu memahami apa sebabnya Allah s.w.t menjadikan nyamuk sebagai perumpamaan, maka mereka itu menjadi sesat.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ <sup>ط</sup> قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ <sup>ط</sup> وَصَدٌّ  
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ <sup>ط</sup> وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ  
مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ <sup>ج</sup> وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ <sup>ط</sup> وَلَا يَزَالُونَ  
يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ <sup>ج</sup> إِنِ اسْتَطَعُوا <sup>ج</sup> وَمَن يَرْتَدِدْ  
مِنْكُمْ <sup>ج</sup> عَن دِينِهِ <sup>ط</sup> فَبِمَتَّ <sup>ط</sup> وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ <sup>ط</sup> أَعْمَلُهُمْ  
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ <sup>ط</sup> وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ <sup>ط</sup> هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ



Maksudnya:

“Mereka bertanya kepada mu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjid al-Haram dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah.<sup>43</sup> dan berbuat fitnah<sup>44</sup> lebih besar (dosanya) daripada membunuh. mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agama mu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, Maka mereka Itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka Itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.”

<sup>43</sup>Mengikuti pendapat al-Razi, ayat di atas diterjemahkan sebagaimana berikut: Katakanlah: “Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar, dan (adalah berarti) menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah dan (menghalangi manusia dari) Masjid al-Haram. Tetapi mengusir penduduknya dari Masjid al-haram (Mekah) lebih besar lagi (dosanya) di sisi Allah.” Pendapat al-Razi ini mungkin berdasarkan pertimbangan bahwa mengusir Nabi dan sahabat-sahabatnya dari Masjid al-Haram sama dengan menumpaskan agama Islam.

<sup>44</sup>Fitnah di sini berarti penganiayaan dan segala perbuatan yang dimaksudkan untuk menindas Islam dan orang Muslimin.

(al-Baqarah (2): 217)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَىٰ الرَّسُولِ رَأَيْتَ  
الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

“Apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (tunduk) kepada hukum yang telah turunkan Allah s.w.t dan kepada hukum Rasul, nescaya kamu melihat orang-orang munafik menghalangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya dari (mendekati) kamu.”

(an-Nisa' (4): 61)

لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٣٨﴾

Maksudnya:

“Tetapi Aku (percaya bahawa): Dialah Allah, Tuhan ku, dan Aku tidak mempersekutukan seorang pun dengan Tuhan ku.”

(al-Kahfi (18): 38)

هَلْ أَتَىٰ عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

Maksudnya:

“Bukankah telah datang kepada manusia satu waktu dari masa, sedang dia ketika itu belum merupakan sesuatu yang dapat disebut?”

(al-Insan (76 ): 1)

قُلْ يَتَّيِبُهَا لِكُفْرُونِ ۖ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۚ وَلَا أَنْتُمْ  
عَبِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۚ وَلَا أَنْتُمْ  
عَبِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۖ

Maksudnya :

“(1) Katakanlah: Hai orang-orang kafir, (2) Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. (3) Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang Aku sembah. (4) Dan Aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah, (5) Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang Aku sembah. (6) Untuk mu agama mu dan untuk ku agama ku.”

(al-Kafirun (109): 1-6)

Selain daripada itu terdapat ayat-ayat al-Quran yang telah ditafsirkan mengandung pengertian *zindiq* secara tersirat, walaupun konsep tersebut tidak ditulis dan diterjemahkan secara jelas tentang penggunaannya dalam al-Quran. Namun begitu pentafsiran dan penterjemahan yang diutarakan terhadap ayat-ayat al-Quran tersebut membawa kepada pengertian *zindiq* secara langsungnya.

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran;

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ  
 ذَٰلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ  
 قَبْلُ قَتَلْتَهُمْ اللَّهُ ۗ أَنَّى يُؤْفَكُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

“Orang-orang Yahudi telah berkata: ‘Uzair itu putera Allah dan orang-orang Nasrani pula berkata: al-Masih itu putera Allah. Demikianlah ucapan mereka itu dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu. Dilaknati Allah mereka, bagaimana mereka sampai berpaling?’”

اتَّخَذُوا أَحْبَابَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ  
 ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمُّرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۗ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
 سُبْحٰنَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

“Mereka menjadikan orang-orang alimnya dan rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain Allah<sup>45</sup> dan (juga mereka mempertuhankan) al-Masih putera Maryam, padahal mereka hanya disuruh menyembah Tuhan yang Esa, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan.”

(al-Tawbah (9): 30 dan 31)

Firman Allah s.w.t seterusnya;

<sup>45</sup>Maksudnya mereka mematuhi ajaran orang-orang alim dan rahib-rahib mereka dengan membabi buta, biarpun orang-orang alim dan rahib-rahib itu menyuruh membuat maksiat atau mengharamkan yang halal.

أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾ وَمَنْوَةَ الثَّالِثَةَ الْآخَرَیٰ ﴿٢٠﴾ وَالنَّجْمِ  
 إِذَا هَوَىٰ ﴿٢١﴾ تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِیْرَىٰ ﴿٢٢﴾ إِنَّ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءُ  
 سَمِیْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَّا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطٰنٍ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ  
 إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمْ آهْدَىٰ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

“Maka apakah patut kamu (hai orang-orang *musyrik*) menganggap al-Lata dan al-‘Uzza, (19) Dan Manah yang ketiga, yang paling terkemudian (sebagai anak perempuan Allah) (20)?<sup>46</sup> Apakah (patut) untuk kamu (anak) laki-laki dan untuk Allah (anak) perempuan? (21) Yang demikian itu tentulah suatu pembahagian yang tidak adil.(22) Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan bapak-bapak kamu mengadakannya; Allah s.w.t tidak menurunkan suatu keterangan pun untuk (menyembah) nya. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan, dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka dan sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dari Tuhan mereka.(23)”

(al-Najm (53): 19-23)

### iii. al- Hadith

Penelitian dan pemerhatian seterusnya pula dijalankan terhadap potongan teks-teks hadith dengan menyemak penggunaan perkataan dan istilah *zindiq* ini. Terdapat penggunaan perkataan tersebut di dalam potongan teks-teks hadith tertentu yang dijumpai ditulis secara jelas. Teks hadith tersebut kebanyakannya ditemui dalam

<sup>46</sup>al-Lata, al-‘Uzza dan Manah adalah nama berhala-berhala yang disembah oleh orang ‘Arab Jahiliyah dan dianggapnya anak-anak perempuan Tuhan.

penulisan hadith-hadith *da'if* atau hadith *mawd'u*.<sup>47</sup> Di sini penulis menyenaraikan beberapa potongan teks hadith tersebut yang menunjukkan wujudnya penggunaan perkataan dan istilah *zindiq* tersebut. Di antara beberapa hadith itu adalah sebagaimana berikut;

**Teks hadith pertama:**<sup>48</sup>

أنبأنا عبد الوهاب بن المبارك قال أنبأنا ابن بكران قال أنبأنا العتيقي قال حدثنا محمد بن مروان القرشي قال حدثنا محمد بن عبادة الواسطي قال حدثنا موسى ابن إسماعيل قال حدثنا معاذ بن ياسين الزيات قال حدثنا الأبرد بن الأشرس عن يحيى بن سعيد عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : { تتفرق أمتي على سبعين أو إحدى وسبعين فرقة كلهم في الجنة إلا فرقة واحدة قالوا : يا رسول الله من هم؟ قال : الزنادقة وهم القدرية }

- وقد رواه أحمد بن عدى الحافظ من حديث موسى بن إسماعيل عن خلف بن ياسين عن الأبرد .

- وأورده في ترجمة معاذ بن ياسين وقال رجل مجهول وحديثه غير محفوظ.

Maksudnya:

“Al-‘Uqailiy meriwayatkan dari Anas bin Malik r.a katanya Rasulullah s.a.w bersabda: Umat ku akan berpecah kepada tujuh puluh atau tujuh puluh satu *firqah*, semuanya dalam syurga, kecuali satu *firqah* sahaja. Mereka berkata : Ya Rasulullah, siapakah mereka? Rasulullah s.a.w bersabda: Mereka ialah golongan *zindiq* iaitu golongan *qadariyyah*.”

<sup>47</sup>Hadith *da'if* atau *mawd'u* adalah hadith yang tidak memenuhi dan tidak mencukupi syarat-syarat hadith *sahih* dan hadith *hasan*. Hadith *mawd'u* merupakan salah satu hadith yang termasuk dalam kumpulan hadith *da'if* dan ia hadith yang paling buruk di kalangan kelompok hadith *da'if*. Lihat Said Ibrahim (Hj.) (1987), *Penolakan Terhadap Penilaian Semula Hadith*, Kuala Lumpur: Media Hasda, h. 61.

<sup>48</sup>al-Qarsyi, Abi al-Farraj ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin al-Jawzi (1966), *op.cit.*, *Kitab al-sunnah wa zimmi al-bid'i, bab iftiraq hadhihi al-ummah*, h. 267. Lihat al-Suyutiy, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1983), *al-Laali al-Masnu'at fi al-Ahadith al-Mawdu'at*, Beirut: Dar al- Ma‘rifah, h. 248.

### **Teks hadith kedua:**<sup>49</sup>

أنبأنا عبد الوهاب قال أنبأنا ابن بكران قال أنبأنا العتيقى قال حدثنا يوسف بن الدخيل قال حدثنا العقبلى قال حدثنا الحسن بن على بن خالد الليثى قال حدثنا نعيم بن حماد قال حدثنا يحيى بن يمان عن ياسين الزيات عن سعد بن سعيد أخى يحيى بن سعيد الأنصارى عن أنس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : { تتفرق أمتى على بضع وسبعين فرقة كلها فى الجنة إلا فرقة واحدة وهى الزنادقة }

- قال العقبلى هذا الحديث لا يرجع منه إلى صحة ولعل ياسين أخذه عن أبيه أو عن أبرد وليس لهذا الحديث أصل من الحديث من حديث يحيى بن سعيد ولا من حديث سعد.

Maksudnya:

“Al-‘Uqailiy meriwayatkan dari Anas bin Malik r.a katanya Rasulullah s.a.w bersabda: Umat ku akan berpecah kepada tujuh puluh sembilan *firqah*, semuanya dalam syurga kecuali hanya satu *firqah* iaitu golongan *zindiq*.”...

### **Teks hadith ketiga:**<sup>50</sup>

أنبأنا الجريرى قال أنبأنا العشارى قال حدثنا الدرقتنى قال حدثنا أبو بكر محمد بن عثمان الصيدلانى قال حدثنا أحمد بن داود السجستانى قال حدثنا عثمان بن عفان القرشى قال حدثنا أبو إسماعيل الأيلى حفص بن عمر عن مسعر عن سعد بن سعيد قال سمعت أنس بن مالك يقول : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : { تتفرق أمتى على بضع وسبعين فرقة كلها فى الجنة إلا الزنادقة . قال أنس : كنا نراهم القدرية } .

- هذا الحديث لا يصح عن رسول الله صلى الله عليه وسلم.

<sup>49</sup> *Ibid.*.

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 267 dan 268.



- قال العلماء الصناعة : وضعه الأبرد وكان وضاعا كذابا، أخذه منه يس فقلب إسناده وخلطه وسرقة عثمان بن عفان . وقال الشيخ : عثمان بن عفان هذا سجزى وضاع، وليس فى الرواة الحديث من اسمه عثمان بن عفان سوى أمير المؤمنين ثم هذا (الوضاع) .
- وأما الأبرد فقال محمد بن إسحاق بن خزيمة : كذاب وضاع .
- وأما يس فقال يحيى : ليس حديثه بشيء .
- وقال النسائى : متروك الحديث .
- وأما عثمان فقال علماء النقل : متروك الحديث لا يحل كتب حديثه إلا على سبيل الاعتبار .
- وأما حفص بن عمر فقال أبو حاتم الرازى : كان كذابا وقال العقيلي : يحدث عن الأئمة بالبواطيل .
- وقال المصنف ( عبد الرحمن بن على بن الجوزى القرشى) : هذا الحديث على هذا اللفظ لا أصل له .
- قد رواه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم على بن أبى طالب وسعد بن أبى وقاص وابن عمر وأبو الدرداء ومعاوية وابن عباس وجابر وأبو هريرة وأبوأمامة ووائلثة وعوف بن مالك وعمرو بن عوف المزنى : قالوا فيه : { واحدة فى الجنة وهى الجماعة } .

Maksudnya:

“Al-Daruqtni meriwayatkan dari Anas bin Malik r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Umat ku akan berpecah kepada tujuh puluh sembilan *firqah*, semuanya dalam syurga kecuali golongan *zindiq*. Berkata Anas: Kami nampak ialah *qadariyyah*.”

#### **Teks hadith keempat:**<sup>51</sup>

أنبأنا إسماعيل بن أحمد قال أنبأنا ابن مسعدة قال أنبأنا حمزة قال أنبأنا ابن عدى قال حدثنا القاسم بن الليث الراسبى قال حدثنا هشام بن عمار حدثنا إبراهيم بن أعين قال حدثنا بحر بن كنيز السقاء عن أبى حازم عن سهل بن سعد عن النبى صلى الله عليه وسلم قال : { ما كانت زندقة إلا ودربها التكذيب بالقدر } .

<sup>51</sup>Ibid., bab fi dhikr al-qadr, h. 274.

طريقي اخر : أنبأنا زاهر بن طاهر قال أنبأنا أبو بكر أحمد بن الحسين البيهقي قال أنبأنا أبو عبد الله محمد بن عبد الله الحاكم قال أخبرني أبو محمد بن زياد قال حدثنا جعفر بن أحمد الحافظ قال حدثنا الحسين بن منصور قال حدثنا عيسى بن إبراهيم الهاشمي قال حدثنا بحر بن كنيز عن أبي حازم عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : { ما كانت زندقة قط إلا أصلها التذيب بالقدر } .

- هذا الحديث موضوع على رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو من عمل بحر ابن كنيز رواه عن أبي حازم عن سهل ورواه عن أبي حازم عن أبي هريرة . قال يحيى بن معين : بحر بن كنيز ليس بالشيء لا يكتب حديثه كل الناس أحب إلى منه.

Maksudnya:

“Tbn al-Jawzi menyebutkan dari jalan al-Baihaqi, dari jalan al-Hakim, dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Tidak jadi *zindiq* sama sekali kecuali asalnya ialah mendustakan persoalan *qadar*.”

### **Teks hadith kelima:**<sup>52</sup>

أنبأنا علي بن عبد الواحد الينوري قال أنبأنا علي بن عمر القزويني قال حدثنا محمد بن علي بن سويد قال حدثنا أحمد بن محمد العسكري قال حدثنا أبو الوليد عبد الملك بن يحيى بن عبد الله بن بكير قال حدثنا أبي قال حدثنا الحسن بن عبد الله بن أبي عوف الثقفي عن رجاء بن الحارث عن مجاهد عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : { يكونون قدرية ثم يكونون زنادقة ثم يكونون مجوسا، وإن لكل أمة مجوسا وإن مجوس أمتي المكذبة بالقدر، فإن مرضوا فلا تعودوهم، وإن ماتوا فلا تتبعوا لهم جنازة } .

- هذا الحديث لا يصح وفيه مجاهيل. وقال أبو عبد الرحمن النسائي: هذا الحديث باطل كذب .

Maksudnya:

“Tbn al-Jawzi menyebutkan dari ‘Ali bin ‘Abd al-Wahid al-Dainuri dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Mereka adalah *qadariyyah*, kemudian mereka menjadi *zindiq* dan kemudian

<sup>52</sup>Ibid., h. 275.

mereka menjadi *Majusi*, dan bahawasanya setiap umat mempunyai *Majusi* dan *Majusi* umat ku ialah yang mendustakan *qadar* Allah. Maka jika mereka sakit janganlah kamu menziarahi mereka, dan jika mereka mati maka janganlah kamu mengikuti jenazah mereka.”

Hadith-hadith tersebut merupakan di antara hadith yang mengandung penggunaan perkataan *zindiq* yang dinyatakan secara jelas. Namun begitu potongan hadith tersebut terdiri daripada hadith yang tidak diiktiraf kesahihannya, ataupun dikenali sebagai hadith *mawd'u* atau *da'if*. Secara lebih jelas lagi penulis juga telah meneliti hadith-hadith daripada *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, dan ternyata tidak terdapat hadith yang menjelaskan perkataan *zindiq* ini.

Hadith yang diriwayatkan oleh *Abu Dawud*, *at-Tirmidhi*, *al-Nasai* dan *Ibn Majah* yang merujuk kepada masalah perpecahan umat juga tidak diterangkan konsep atau istilah penggunaannya dengan lebih nyata. Bahkan penulis hanya mendapati hadith tentang perpecahan umat yang dihuraikan tentang umat yang berpecah kepada beberapa golongan atau puak.<sup>53</sup> Konsep atau istilah atau perkataan yang berhubung dengan *zindiq* tidak ditemui penulisannya sebagaimana hadith-hadith yang telah disenaraikan. Penulis hanya mendapati perkataan *zindiq* ini pada teks-teks hadith yang tertentu sahaja, khususnya yang ditemui dalam hadith *da'if* atau *mawdu'*. Oleh yang demikian itu, penulis berpendapat bahawa konsep ini merupakan salah satu dakyah kosong yang disebarkan terhadap individu berdasarkan kepada sesuatu sandaran atau sebab tertentu.

---

<sup>53</sup>at-Tirmidhi, Muhammad 'Isa bin Surah, Mohd Zuhri (Drs.) (1992) (terj.), *Sunan at-Tirmidzi, kitab al-sunnah, bab iftiraq hadhihi al-ummah*, no. 2778 dan 2779, j. 4, Semarang: C.V. Asy-Syifa, h. 268-270. Lihat al-Qazwini, Abu 'Abd al-Lah Muhammad Yazid Ibn al-Majah, Tufail Ansani (2000) (terj.) *Sunan Ibn al-Majah: English Version, Kitab al-Fitan, bab iftiraq hadhihi al-ummah*, no. 3991-3992, v. V, India: Kitabhavan New Delhi, h. 311-312.

## BAB KETIGA

### KEMUNCULAN TERMINOLOGI *ZINDIQ* DALAM PEMIKIRAN ISLAM

#### 3.1 Pendahuluan

Sebelum penulis meneliti pengkajian konsep *zindiq* ini dengan lebih mendalam lagi, terlebih dahulu penulis akan meneliti maklumat tentang data persejarahannya. Data persejarahan merupakan asas penting untuk menerangkan kemunculan konsep tersebut dengan lebih jelas. Menerusi bab ini, penulis akan membincangkan beberapa peringkat perkembangan yang mempunyai hubung kait dengan konsep *zindiq* sehingga terminologinya digunakan sehingga masa kini.

#### 3.2 Sejarah kemunculan istilah *zindiq*

Secara amnya proses kemunculan istilah *zindiq* pada mulanya berasal daripada bahasa Parsi yang kemudian telah berkembang ke dalam bahasa ‘Arab. Dalam kalangan bangsa Persia sendiri, perkataan tersebut mengandungi erti orang yang melanggar agama rasmi negara. Ketika Islam sudah memasuki kawasan kebudayaan Persia, dan perkataan *zindiq* juga telah berkembang masuk ke dalam kosa kata umat Islam maka kesannya terjadilah perluasan makna yang pelbagai.<sup>54</sup>

---

<sup>54</sup> H. Harun Nasution (Prof) (Dr) (1992), *Ensiklopedia Islam Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan, h. 1010.

Kemudian, pengaruh Hellenisme<sup>55</sup> pula dipraktikkan dengan jelas telah muncul dalam metode berfikir secara sistematis dan rasional yang dikenali sebagai *al-mantiq*. Perkara ini timbul dari ahli falsafah Yunani iaitu Aristotles. Bahkan Aristotles telah dikenali dalam kalangan falsafah Islam dengan gelaran *al-mu'allim al-awwal* atau guru yang pertama.<sup>56</sup>

Selain daripada itu, terdapat juga pengaruh kuat pemikiran Neoplatonisme.<sup>57</sup> Ia dapat dikenal pasti terhadap pandangan kosmologi para falsafah Islam yang muncul dalam teori emanasi atau pancaran, iaitu teori *nazariyat al-faidh*. Teori ini menjelaskan bagaimana sifat Tuhan yang Maha Esa seperti Tuhan bersifat Maha Satu, tidak berubah-ubah, bukan material, Maha Sempurna, tidak berbilang dan tidak berhajat kepada apa-apa pun.<sup>58</sup>

Justeru dengan hal itu, timbul pelbagai reaksi dalam kalangan umat Islam terutama mereka yang menamakan diri sebagai golongan Sunni dan Hanbali. Menurut mereka, hanya nas merupakan satu-satunya sumber pemikiran. Sementara logik akal atau mantik tidak wujud pada masa Nabi, sahabat, atau tabi'in. Pada masa ini, pemikiran logik bukan merupakan keharusan. Hal ini disebabkan apabila ia dianggap sebagai keharusan, maka bererti Rasulullah dan para sahabat baginda tidak mampu untuk memahami al-Quran dan al-Sunah.<sup>59</sup>

---

<sup>55</sup> Atau dikenali juga dengan istilah faham *Hellenis* iaitu fahaman yang meletakkan idealisme dan intelektualisme pada kedudukan paling teratas.

<sup>56</sup> H. Harun Nasution (Prof) (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 1010.

<sup>57</sup> Ahmad Zuhairi Abdul Halim (1999), *Amalan Mistik dan Kebatinan serta pengaruhnya terhadap Alam Melayu*, Selangor: Tamaddun Research Trust, h. 2-3.

<sup>58</sup> H. Harun Nasution (Prof) (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 1010.

<sup>59</sup> *Ibid.*

Hasil dari perkembangan itu, maka timbul pula semboyan *man tafalsafa faqad tazandaqa* yang bermaksud “sesiapa yang berfalsafah bererti dia benar-benar telah *zindiq*.” Manakala semboyan yang seterusnya pula menyatakan *man tamantaqa faqad tazandaqa* iaitu bermaksud “sesiapa yang menggunakan mantik atau logik maka sesungguhnya dia telah *zindiq*.” Rentetan dari implikasi-implikasi negatif tersebut maka telah berlaku kemunduran dalam aspek pemikiran rasional dan falsafah di dunia Islam.

Pelbagai tentangan dan kritikan yang begitu sistematik telah berlaku terhadap pemikiran falsafah yang dilancarkan oleh Imam al-Ghazali menerusi dua karyanya *al-Munqidh min al-Dalal* dan *Tahafut al-Falasifah*. Kritikan keras yang ditonjolkan adalah terhadap pemikiran falsafah al-Farabi dan Ibn Sina. Malah secara terperinci ia menunjukkan dua puluh permasalahan dalam pemikiran falsafah Islam yang tidak selari dengan ajaran Islam. Di antara kandungannya ialah alam ini adalah qadim yang tidak ada permulaan, tuhan tidak mengetahui perkara *juziyyat*<sup>60</sup> dan tidak ada kebangkitan jasmani. Hal sedemikian telah merumuskan kesimpulan bahawa para ahli falsafah telah menjadi kafir atau *zindiq*.<sup>61</sup>

Selepas Imam al-Ghazali, Ibn Taimiyyah pula melancarkan kritikkannya terhadap penggunaan logik Aristotles. Ibn Taimiyyah telah menulis buku *al-Radd ‘ala al-Mantiqiyyin* dengan menegaskan bahawa pemikiran logik akal tidak boleh melakukan pentakwilan terhadap nas-nas agama, iaitu al-Quran dan al-Hadith. Menurut Ibn Taimiyyah, pentakwilan dan pentafsiran tersirat tidak dibenarkan kerana

---

<sup>60</sup> Iaitu perincian dan cabang-cabang peristiwa yang terjadi di dalam alam semesta.

<sup>61</sup> H. Harun Nasution (Prof) (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 1011.

al-Quran dan al-Hadith telah menjelaskan segala sesuatu tentang agama. Oleh yang demikian itu, Ibn Taimiyyah telah berpendapat bahawa para ahli falsafah Islam telah dipandang menjadi *zindiq* dan kafir.<sup>62</sup>

Dalam perkembangan yang berikutnya, terminologi *zindiq* sudah tidak lagi terdengar dalam sejarah perkembangan Pemikiran Islam. Sementara itu tokoh-tokoh pembaharuan Islam dalam pemikiran rasional, logik dan falsafah seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh (di Mesir), Syeikh Waliyullah dan Sayyid Ahmad Khan serta Mohammad Iqbal (di Indo Pakistan) telah memperoleh penghargaan kembali dalam aspek itu.

Walau bagaimana pun, penulis telah turut meneliti sejarah asal-usul istilah *zindiq* ini terhadap tiga bahagian agama kuno yang dianuti dalam bangsa Parsi. Hal ini adalah kerana penulis melihat terdapat beberapa perkaitan kemunculan di antara istilah *zindiq* dengan tiga agama kuno tersebut. Tambahan pula melalui agama-agama tersebut akan memudahkan penulis untuk menganalisis data sejarah tentang kemunculan konsep *zindiq* ini. Penulis telah mengklasifikasikan beberapa agama tersebut sebagaimana berikut;

3.2.1 *Zindiq* dan Agama Zoroaster

3.2.2 *Zindiq* dan Agama Manuwiyyah

3.2.3 *Zindiq* dan Agama Mazdakiyyah

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

Sejarah umum perkembangan terminologi tersebut boleh dilihat melalui beberapa kemunculan istilah yang wujud dalam persejarahan Islam. Terminologi *bid'ah* adalah terminologi pertama yang muncul yang bermaksud *innovation* dalam Bahasa Inggeris iaitu pembawa perubahan.<sup>63</sup> Kemudian timbul pula istilah yang kedua yang dipanggil *ghuluw*. Ia menunjukkan kepada sifat keterlampauan atau *excessiveness or tendency to exaggerate*.<sup>64</sup> Sesetengah individu ada kalanya dianggap sebagai *ghulat* dan terkeluar dari prinsip dalam agama Islam.

Setelah itu terminologi *zindiq* telah muncul selepas kebangkitan kedua-dua istilah tersebut. Istilah ini sebenarnya telah dianggap sebagai *heresy* oleh orientalis-orientalis Barat. Ia sering digunakan dalam kalangan bangsa Parsi yang ditujukan kepada fahaman Manuwiyyah ketika pemerintahan Kerajaan Sasan. Ia ditujukan kepada individu pertapa dan penganut Parsi yang tidak berbentuk ortodoks. Ia juga turut digunakan semasa pemerintahan Islam yang ditujukan kepada pengikut Manuwiyyah, tetapi difokuskan kepada sesiapa sahaja yang pada dasarnya bersikap pura-pura terhadap agama Islam terutamanya mereka yang berpegang kepada doktrin *dualisme*.<sup>65</sup>

Istilah seterusnya turut muncul dengan istilah *mulhid* dan *kafir* atau *kufur*. *Mulhid* bermaksud menyimpang dari landasan yang benar atau *deviator from the right path*. Tetapi pada suatu masa tertentu ia hampir dikenali sebagai *zindiq*, dan penggunaannya dianggap bertentangan terhadap mereka yang berasa berdosa dalam

---

<sup>63</sup>al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1966), *Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society III: Raniri and the Wujudiyyah of 17<sup>th</sup> Century Aceh*, Singapura: Malaysia Pinters Limited, h. 144.

<sup>64</sup>*Ibid.*, h. 145.

<sup>65</sup>*Ibid.*. *Dualisme* adalah suatu teori yang berasaskan kepada dua dasar yang berlainan, atau sesuatu yang berasaskan kepada dua hal yang bertentangan.



membawa dan menyebarkan doktrin subversif<sup>66</sup>. Manakala *kafir* atau *kufur* pula merupakan lebih mirip kepada istilah *heresy* terutamanya wujud dalam sejarah agama Kristian.<sup>67</sup> Penulis seterusnya akan membincangkan kemunculan konsep *zindiq* yang dilihat dari tiga agama kuno bangsa Parsi sebagaimana berikut;

### 3.2.1 *Zindiq* dan Agama Zoroaster

Fahaman Zoroastrianisme merupakan salah satu daripada agama yang menjadi anutan bangsa-bangsa Parsi kuno pada masa dahulu. Pengasas agama ini digelar dengan nama Zoroaster yang mana sering dianggap sebagai nabi dalam menyampaikan ajaran-ajaran agamanya. Pada masa yang sama juga terdapat beberapa pendapat yang berbeza tentang tarikh kemunculan dan kewujudannya.<sup>68</sup>

Beberapa pendapat ada menyatakan bahawa Zoroaster mula muncul di sekitar tahun 628-551SM sebagai seorang pengajar pada zaman Solon dan Thales. Namun begitu, kebanyakan tarikh kemunculannya yang dikemukakan adalah agak tidak jelas. Di samping mendakwa nabi, ia turut mendakwa dirinya juga merupakan pesuruh tuhan yang pertama dalam mana-mana agama.<sup>69</sup> Zoroaster atau Zarathustra juga

---

<sup>66</sup>Perbuatan yang bertujuan untuk menjatuhkan atau merosakkan kerajaan dan lain-lain dengan menggunakan cara menghasut dan seumpama dengannya.

<sup>67</sup>al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1966), *op.cit.*, h. 144.

<sup>68</sup>Bowker, John (ed.) (2002), *The Illustrated History of Religions*, United Kingdom: Cambridge University Press, h. 216. Lihat al-Faruqi, Ismail Ragi & David E. Sopher (ed.) (1974), *Historical Atlas of the Religions of the World*, London: Collier Macmillan Publishers, h. 133. Lihat Ahmad Amin (Dr) (1980), *Fajar Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 140.

<sup>69</sup>*Ibid.*, Lihat Amroeni Drajat (Drs) Syahrin Harahap (Prof.) (Dr) (2001), *Filsafat Illuminasi: sebuah kajian terhadap konsep cahaya, Suhrawardi*, Jakarta: Penerbit Riora Cipta, h. 32.

seorang paderi yang gelarannya dapat membayangkan watak seseorang yang cerdas sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab sucinya.<sup>70</sup>

Pada asalnya fahaman Zoroastrianisme adalah salah satu agama alam Parsi yang diperbaharui mempunyai hubungan dengan perlindungan serta pemeliharaan yang baik terhadap haiwan jinak yang tenaganya diperlukan sebagai salah satu cara penyelesaian dalam fahaman itu. Pada permulaannya masih tidak wujud lagi bangunan kuil yang tertutup, cuma hanya wujud tempat pemujaan di luar rumah sahaja. Lama-kelamaan adat yang menjadi kebiasaan khusus<sup>71</sup> yang telah disesatkan oleh Zoroaster telah menjadi hal-hal penting dalam agama tersebut. Zoroaster juga telah menetapkan konsep *pantheon*<sup>72</sup> Parsi kuno dalam agamanya, tetapi ia tidak membiarkan pemujaan terhadap semua dewa.<sup>73</sup>

Ajaran-ajaran Zoroaster mempunyai asasnya yang utama, dan ia bukan hanya semata-mata agama yang berbentuk etika. Menurutnya, konsep yang penting dalam agama ini berkaitan dengan konsep kebaikan (*good*) dan kejahatan (*evil*) yang sentiasa mewujudkan pertentangan di antara satu sama lain.<sup>74</sup> Kedua-dua konsep yang dikembangkan dari bangsa Aryan ini mewarisi dua prinsip fundamental iaitu wujudnya hukuman di dalam alam, dan keduanya wujud konflik di dalam alam. Pernyataan terhadap hukum dan konflik di dalam alam akan membentuk asas sistemnya. Hal ini disandarkan kepada bentuk falsafah yang mewujudkan suatu

---

<sup>70</sup>Kapoor, A.N. & Gupta, V.P. (ed.) (1998), *A Dictionary of World Religions*, Delhi: Ajanta Publications, h. 6-7.

<sup>71</sup>Iaitu seperti pemakaian *haoma* atau bahan yang memabukkan dalam sembahyang dan pengorbanan lembu jantan berhubung dengan pemujaan dewa Mithra.

<sup>72</sup>Bermaksud kuil semua dewa-dewi.

<sup>73</sup>Pringgodigdo, Mr A.G. (Prof) (1973), *Ensiklopedi Umum*, Yogyakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius, h. 1431.

<sup>74</sup>Kapoor, A.N. & Gupta, V.P. (ed.) (1998), *op.cit.*, h. 274.

masalah baru berkaitan dengan cara bagaimana menyatukan kejahatan dengan kebaikan abadi Tuhan.<sup>75</sup>

Zoroaster turut mempercayai konsep keesaan bahawa hanya wujud satu tuhan sejati yang disebut sebagai Ahura Mazda iaitu roh kebaikan yang menganjurkan kebenaran dan kejujuran. Ahura Mazda atau juga digelar sebagai Ormazd atau Ormuzd adalah tuhan yang mengetuai golongan yang berbuat kebaikan.<sup>76</sup> Di samping itu pengikut Zoroaster juga mempercayai kewujudan roh jahat yang disebut sebagai Ahriman atau Angra Mainyu. Menurut keyakinan Zoroaster, alam semesta ini adalah tempat pergelutan di antara roh-roh kebaikan dengan kejahatan. Roh-roh kebaikan dan kejahatan tersebut dikaitkan juga dengan konsep cahaya dan kegelapan. Melalui pergelutan yang berlaku, roh yang baik akan keluar sebagai pemenang.<sup>77</sup>

Sumber kebaikan telah mengadakan sistem-sistem, mewujudkan kebenaran, menciptakan cahaya, menjadikan anjing-anjing pengawal dan ayam jantan dan lain-lain haiwan yang berguna. Oleh yang demikian itu, seseorang manusia yang beriman wajib memelihara haiwan tersebut. Manakala sumber kejahatan pula ialah kegelapan yang menciptakan segala perkara yang buruk di dalam alam ini. Sumber ini menciptakan haiwan buas, udara yang berbisa, serangga-serangga dan ulat-ulat. Seseorang manusia mesti memusnahkan haiwan seumpama itu.<sup>78</sup>

---

<sup>75</sup>Amroeni Drajat (Drs) & Syahrin Harahap (Prof.) (Dr) (2001), *op.cit.*, h. 32. Lihat Ahmad Amin (Dr) (1980), h. 141-142.

<sup>76</sup>Pringgodigdo, Mr A.G. (Prof) (1973), *op.cit.*, h. 1432. Lihat E. Safra, Jacob (1768), *The New Encyclopedia Britannica*, Chicago: Aukland, v. 1, e. 15, h. 169.

<sup>77</sup>Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 33. Lihat Kendall, Alan (2002), *Who's Who in Non-Classical Mythology*, London: Routledge, h. 221-222.

<sup>78</sup>*Ibid.*, h. 142.

Selain daripada sumber kepercayaan yang telah dijelaskan, pertanian dan penternakan haiwan juga merupakan konsep pekerjaan yang paling mulia. Zoroaster menggalakkan manusia untuk memelihara haiwan, bercucuk tanam, hidup bersama-sama haiwan ternakan mereka serta bekerja dengan bersungguh-sungguh. Amalan berpuasa adalah diharamkan kerana puasa akan melemahkan penganutnya dari bekerja, sedangkan Zoroaster mahukan mereka supaya sentiasa bekerja kuat.<sup>79</sup>

Pada masa yang sama, Zoroaster mengajarkan bahawa air, udara, api dan tanah ialah unsur-unsur suci yang tidak harus dicemarkan. Hal demikian dapat diperhatikan dari konsep pemujaan api dan menjadikannya sebagai lambang agama, mengharamkan untuk mengotorkan air yang sedang mengalir, mengharamkan pengebumian mayat dalam tanah dan sebagainya.<sup>80</sup>

Dalam agama Zoroaster, manusia sebenarnya mempunyai dua konsep penghidupan iaitu konsep permulaan dan pengakhiran kehidupan. Hal ini sebagaimana konsep penghidupan yang dijelaskan dalam ajaran Islam iaitu konsep kehidupan dunia dan akhirat. Amalan-amalan yang dilakukan oleh penganutnya akan dicatat, dihitung, dan akan menyeberangi titian untuk ke syurga ataupun neraka. Sesiapa yang beriman akan dapat menyeberangi dengan selamat dan akan bertemu dengan Tuhan Ahura Mazda. Namun sebaliknya, seseorang yang tidak beriman akan jatuh ke neraka dan seterusnya menjadi hamba kepada Tuhan Ahriman. Sekiranya timbangan di antara kejahatan dan kebaikan adalah seimbang, ini bermakna rohnya

---

<sup>79</sup>*Ibid.*, h. 143.

<sup>80</sup>*Ibid.*.

akan di bawa ke kawasan di antara syurga dan neraka. Mereka akan tinggal di sana sehingga suatu jangka masa yang ditetapkan.<sup>81</sup>

Sebagaimana ajaran agama-agama yang lain, fahaman Zoroaster turut mempunyai kitab atau buku suci yang dikenali dengan nama *Avesta* atau *Zend Avesta*.<sup>82</sup> Buku *Avesta* di peringkat awal telah wujud pada zaman pemerintahan Raja Arsalid (249-226), dan edisinya telah hilang. Setelah itu, buku *Avesta* pada zaman Sasan (226-651) mengandungi 21 naskhah. Namun begitu hanya satu dan beberapa bahagian sahaja yang dapat ditemui. Ia terdiri daripada lima bahagian iaitu *yasna*,<sup>83</sup> *vispered*,<sup>84</sup> *yashts*,<sup>85</sup> *vendidat*<sup>86</sup> dan sekumpulan naskhah yang kurang penting.<sup>87</sup>

Setelah diperhatikan dengan teliti, penulis mendapati terdapat suatu kesinambungan yang wujud di antara istilah *zindiq* dengan agama Zoroaster. Melalui data sejarah yang dikaji menunjukkan bahawa penggunaan istilah *zindiq* ini telah muncul dalam agama tersebut. Kenyataan ini dikaitkan dengan sebuah kitab suci yang dikenali dengan nama kitab *Avesta*<sup>88</sup> dan buku tafsirannya iaitu *Zend Avesta*. Kedua-dua makalah ini adalah dimiliki oleh Zoroaster. Kitab Zoroaster dengan nama *Avesta*

---

<sup>81</sup>*Ibid.*, h. 143-144.

<sup>82</sup>*Avesta* bermaksud hukum, manakala perkataan *zend* pula bermaksud penjelasan.

<sup>83</sup>Mengandungi buku-buku doa umum termasuk *gathas*, dan mungkin ia adalah bahagian *Avesta* Zoroaster.

<sup>84</sup>Adalah pelengkap kepada *yasna* yang terkandung doa-doa kepada semua dewa dan tuhan.

<sup>85</sup>Adalah nyanyian puji-pujian terhadap dewa dan tuhan termasuklah tuhan yang ditentang atau yang diterima oleh Zoroaster. Selain daripada itu ia juga termasuk nyanyian kepada roh-roh yang telah mati.

<sup>86</sup>Adalah tatacara kesucian yang mirip *Leviticus* dalam hal perincian peraturan-peraturannya.

<sup>87</sup>Pringgodigdo, Mr A.G. (Prof) (1973), *op.cit.*, h. 1431. Lihat Meagher Paul Kevin *et al.* (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, Washington DC Corpus Publications, h. 330.

<sup>88</sup>Ahmad 'Atiyah-Allah (1970), *al-Qamus al-Islamiy*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 96.

ini telah dialih dan diterjemahkan ke dalam bahasa ‘Arab dengan disebut sebagai *Avestaq*<sup>89</sup>.

Berdasarkan sejarah dan latar belakang agama Zoroaster, wujud hubung kait di antara istilah *zindiq* dengan kitab suci *Avesta* dalam agama ini. Perkara yang menjadi wasilah di antara keduanya adalah dari sudut proses penterjemahan yang telah dilakukan terhadap kitab *Avesta*<sup>90</sup>. Perbuatan penterjemahan dan penghuraian yang bersifat kiasan telah dilakukan terhadap bahagian-bahagian tertentu dalam kitab itu seperti bahagian *yasna*, *vispered*, *yashts*, dan *vendidat*. Bahagian-bahagian ini mengandungi doa, nyanyian dan pujian terhadap dewa dan tuhan, termasuklah tuhan kebaikan atau kejahatan. Pada masa yang sama perbuatan pemujaan turut dijalankan terhadap roh-roh yang telah mati. Sejarah dengan itu, jelaslah bahawa istilah *zindiq* telah difokuskan dalam perbuatan menterjemah atau mentafsirkan bahagian yang terdapat dalam kitab suci *Avesta*.

### **3.2.2 *Zindiq* dan Agama Manuwiyyah**

Penulis seterusnya telah meneliti mengenai kepercayaan yang menjadi pegangan dalam agama Manuwiyyah. Agama Manuwiyyah sebenarnya adalah agama saduran di antara Kristian dan Zoroaster yang turut mempunyai latar belakangnya tersendiri. Agama ini diasaskan oleh seorang individu yang dikenali sebagai Manu

---

<sup>89</sup>Menurut penyelidikan yang telah dijalankan, kitab ini mempunyai jumlah surahnya iaitu 21 surah dan setiap surah memenuhi dua ratus lembaran. Kitab *Avesta* ditulis dengan menggunakan bahasa Parsi purbakala. Kebanyakan maknanya tidak dapat untuk difahami di zaman kini. Walaupun begitu, kitab ini tetap menjadi perdebatan di kalangan penyelidik berkaitan dengan asal usul dan penyusun sebenarnya. Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 141.

<sup>90</sup>Hontsman, M. TH. *et al.* (1987), *First Encyclopedia of Islam*, j. V, Leiden: E. J. Brill, h. 1228.

yang dilahirkan dalam lingkungan tahun 216-217M. Sesetengah pendapat lain ada juga yang menyatakan bahawa Manu dilahirkan dalam tahun 215 atau 216M.<sup>91</sup> Doktrin ini juga adalah sebahagian daripada doktrin bangsa Manu Parsi yang berkembang di sekitar abad ke 3 dan ke 5M yang diperoleh daripada fahaman yang asal iaitu Zoroastrianisme.<sup>92</sup>

Pada masa yang sama Manu telah mendakwa dirinya sebagai pesuruh Allah sebagaimana Zoroaster yang juga berbuat sedemikian.<sup>93</sup> Menurut data sejarah, ia sebenarnya muncul pada tahun 205M di Ecbatana semasa zaman kemajuan Hamadan. Pada masa itu beliau telah mengajarkan ajarannya ketika pemerintahan Raja Sabbur (241-272M), dan telah berjaya menukar keyakinan rajanya itu. Raja Sabbur kemudiannya telah mengisytiharkan fahaman Manuwiyyah sebagai agama rasmi negara pada tahun 242M. Beberapa tahun kemudian, setelah agama baru ini mendapat sambutan dan masyhur, baginda telah menukar semula pegangannya kepada fahaman Zoroaster.

Manu pula telah melarikan diri dengan pelbagai desakan dan usiran. Apabila Raja Sabbur mangkat pada tahun 273M, Manu kemudiannya telah kembali semula ke tanah airnya yang pada masa tersebut di bawah pemerintahan Raja Hurmuz.<sup>94</sup> Tetapi

---

<sup>91</sup>Fakhr al-Din Muhammad (1209), *'Itiqad farq al-Muslimin wa al-Musyrikin*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, h. 138-139. Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 146. Lihat Waardenburg, Jacques (1999), *Muslim Perceptions of Other Religions*, New York: Oxford University Press, h. 37.

<sup>92</sup>Pence, Gregory (2000), *A Dictionary of Common Philosophical Terms*, New York: The Mc Graw Hill Companies, h.33. Lihat Thomas C. O'Brien *et al.* (ed.) (1999), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, Washington DC: Corpus Publications, h. 2231.

<sup>93</sup>al-Faruqi, Ismail Ragi (ed.) (1974), *Historical Atlas of the Religions of the World*, New York: Macmillan Publishing Co.Inc, h. 136.

<sup>94</sup>Raja Hurmuz adalah seorang raja Parsi dan dikatakan telah memeluk agama Manuwiyyah (Manu), dan menyokongnya. Hal ini telah menyebabkan ramai masyarakat pada zaman itu telah memeluk agama tersebut.

malangnya pemerintahannya hanya bertahan dalam masa yang singkat iaitu kira-kira satu tahun.<sup>95</sup>

Manu akhirnya telah dihukum mati oleh Raja Bahram I<sup>96</sup> dan mayatnya telah digantung di hadapan pintu gerbang GundaySabur sebagai tanda amaran kepada golongan pakatan subversif. Walaupun begitu ajaran agamanya telah meluas dan tersebar jauh hingga ke barat Negara China dan barat Empayar Roman. Selepas kematiannya, pengikut agama Manuwiyyah telah menyimpan idea pemikirannya di dalam sebuah buku yang dikenali sebagai *Ki Falaya* yang mengandungi surat-surat berkaitan disiplin agama tersebut. Manu juga telah menterjemahkan kitab *Avesta* yang terdapat dalam agama Zoroaster dengan takwilan-takwilan dan ia dipanggil sebagai *zand*.<sup>97</sup>

Sementara itu, perihal tentang agama Manu atau Manuwiyyah ini tidak dinyatakan di dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, negara ‘Arab sebenarnya mempunyai hubungan perniagaan yang erat dengan Egypt dan Mesopotamia. Kedua-dua negara ini merupakan pusat kewujudan agama Manu atau Manuwiyyah. Di sana juga terdapat masyarakat yang menganut agama dan fahaman Manu yang tinggal di timur laut negara ‘Arab.<sup>98</sup>

---

<sup>95</sup> al-Faruqi, Ismail Ragi & David E. Sopher (ed.) (1974), *op.cit.*, h. 136.

<sup>96</sup> Raja Bahram I merupakan raja yang tidak bersetuju dengan ajaran Manu dan telah membunuhnya serta mengusir rakan-rakannya. Walaupun begitu, Raja Bahram I mempunyai alasan tersendiri yang mendorongnya untuk membunuh Manu. Ajarannya berbeza dengan ajaran Zoroaster. Ia sebenarnya lebih cenderung ke arah hidup berzuhud, membenci kemewahan dan mencari jalan dekat untuk menuju kehancuran. Hal ini boleh menjatuhkan negara militan seperti negara Parsi ini. Lihat juga Ahmad Amin (Dr) (1980), h. 148 dan 150.

<sup>97</sup> al-Faruqi, Ismail Ragi & David E. Sopher (ed.) (1974), *op.cit.*, h. 136. Perkataan *zand* adalah daripada terminologi *zandiq* atau jurubahasa kitab *Avesta* yang mana Manu dan semua penganut agama Zoroaster dianggap sebagai seorang yang tidak boleh dicabul dan ia dianggap sebagai individu yang suci.

<sup>98</sup> Waardenburg, Jacques (1999), *op.cit.*, h. 37.



Kemudian pengkaji Islam telah menyatakan bahawa dalam kalangan bangsa Quraisy yang memimpin di Mekah, juga wujud segelintir kelompok yang dikenali sebagai kelompok *zindiq* yang mempelajari doktrin *zandaqa* (fahaman Manuwiyyah) daripada agama Kristian di Hira, di timur laut 'Arab ketika kebangkitan 'Iraq.<sup>99</sup> Beberapa hipotesis telah diterangkan dalam al-Quran bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan yang menciptakan keadaan gelap dan terang.

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran;

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ  
وَالنُّورَ ط ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾ هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ  
مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلَ ط وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِنْدَهُ ط ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْتَرُونَ  
﴿٢﴾ وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَفِي الْأَرْضِ ط يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ  
وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Segala puji bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan mengadakan gelap dan terang, namun orang-orang yang kafir mempersekutukan (sesuatu) dengan Tuhan mereka. (1) Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, sesudah itu ditentukannya ajal (kematian), dan ada lagi suatu ajal yang ada pada sisinya (yang dia sendirilah mengetahuinya), Kemudian kamu masih ragu-ragu (tentang berbangkit itu). (2) Dan Dialah Allah (yang disembah), baik di langit mahupun di bumi; dia mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu lahirkan dan mengetahui (pula) apa yang kamu usahakan. (3)”

(al-An‘am (6): 13)

<sup>99</sup>*Ibid.*. Lihat Ahmad Amin (Dr) (1980), h. 151.

Sebagaimana agama lain yang telah dijelaskan, agama Manuwiyyah juga mempunyai ciri-ciri pegangan yang tersendiri. Menurutny alam ini berasal dari dua jenis sumber iaitu cahaya (*light or good*) dan kegelapan (*darkness or evil*). Kedua-dua unsur ini sebagaimana konsep yang telah didakwa oleh Zoroaster dalam fahamannya. Dalam agama Manuwiyyah ditonjolkan Tuhan kebaikan dan Tuhan kejahatan yang sering berperang di antara satu dengan yang lain. Sementara dunia yang telah diciptakan ini adalah dijadikan sebagai medan pertempuran bagi mereka.<sup>100</sup>

Pada masa yang sama Manu turut menyadur fahaman Buddha dan menjadikannya sebagai doktrin asas dalam agamanya. Di samping itu, dia turut menggunakan doktrin agama Kristian berkaitan konsep pembujangan sebagai prinsip dalam agamanya. Ia menganggap konsep itu sebagai penyelamat dan disifatkan kepada dirinya sebagai pesuruh Tuhan dan penyelamat kepada manusia.<sup>101</sup>

Selain daripada itu, alam semula jadi ini diciptakan hasil daripada pertembungan di antara konsep cahaya dan konsep kegelapan. Apabila kedua-duanya bertembung, sebahagian elemen dalam dirinya telah keluar dan bercampur dengan kuasa kejahatan yang mana ia dilindungi untuk kembali semula kepada sumber kejahatan tersebut. Sementara sebahagian elemen lagi akan berada dalam keadaan bertentangan dan dideritai dengan nasib yang sama.<sup>102</sup>

---

<sup>100</sup>O'Brien, Thomas *et al.* (ed.) (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, Washington DC: Corpus Publications, h. 2231.

<sup>101</sup>al-Faruqi, Ismail Ragi (ed.) (1974), *Historical Atlas of the Religions of the World*, New York: Macmillan Publishing, h. 136.

<sup>102</sup>*Ibid.*.

Umumnya ajaran Manuwiyyah yang berdasarkan kepada konsep cahaya akan menonjolkan segala kebaikan. Sebaliknya daripada konsep kegelapan pula akan timbul segala kejahatan.<sup>103</sup> Sumber cahaya tidak dapat menguasai sumber kejahatan dan begitu juga sebaliknya berkaitan dengan sumber kejahatan. Segala kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh manusia ia adalah dari Tuhan kebaikan dan Tuhan kejahatan. Hal tersebut dapat dilihat sekiranya seseorang individu mempunyai pertimbangan belas kasihan atau bersikap kejam, maka tindakan dan perbuatannya terbit dari sumber-sumber tersebut.<sup>104</sup>

Manu juga berpendapat bahawa percampuran di antara kebaikan dan kejahatan adalah suatu unsur kejahatan yang mesti dibersihkan. Oleh yang demikian itu, Manu telah mengharamkan perkahwinan supaya alam jagat ini tidak berpenghuni dan terus lenyap. Kemudian, Manu turut mengamalkan cara-cara hidup berzuhud, menentukan supaya para penganutnya berpuasa tujuh hari dalam sebulan, mewajibkan beberapa kali sembahyang dan seumpamanya. Di samping itu, para penganutnya juga diharamkan untuk menyembelih binatang kerana penyembelihan adalah suatu perkara yang menyakitkan.<sup>105</sup>

Hal demikian iaitu kegelapan dan cahaya telah menyifatkan wujud perkaitan dengan fahaman Manuwiyyah yang telah menjadi perkaitan di antara unsur terang dan gelap sebagai dua prinsip yang bertentangan. Oleh yang demikian itu, ayat al-Quran tersebut telah menunjukkan suatu maksud yang mengisytiharkan Allah s.w.t adalah raja yang Maha Agung daripada mereka (penganut Manuwiyyah). Selain daripada itu,

---

<sup>103</sup>Jobs, Gertrude (1962), *Dictionary of Mythology Folklore and Symbols*, j. 2, New York: The Scarecrow Press. Inc., h. 1058.

<sup>104</sup>Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 147.

<sup>105</sup>*Ibid.*, h. 147-148.

terdapat hadith-hadith yang memberikan kritikan yang tegas berkaitan konsep *zindiq* tersebut.<sup>106</sup>

Di kalangan umat Islam, perkataan *zindiq* ini pada awalnya digunakan untuk menunjukkan penganut-penganut agama Manuwiyyah serta individu yang menyembah berhala. Makna tersebut telah berkembang dalam kalangan penganut materialisme<sup>107</sup> dan ateisme pada kemunculannya pengaruh Hellenisme memasuki dunia pemikiran Islam.<sup>108</sup>

Sebagaimana agama Zoroaster, agama Manu juga mempunyai kesinambungan dengan penggunaan istilah *zindiq*. Konsep *zindiq* yang ditonjolkan dalam agama ini telah menunjukkan bahawa seseorang individu yang beragama Islam pada zahirnya sahaja, tetapi pada masa yang sama turut merahsiakan konsep *zindiq* yang menjadi pegangannya.<sup>109</sup> Jelasnya ia digunakan terhadap suatu kumpulan yang memeluk Islam secara kepura-puraan. Ia juga telah digunakan adalah untuk menyifatkan pengikut atau penganut agama Manu.

Selain daripada itu, perkataan *zindiq* ini pada asalnya ditulis dalam bahasa Parsi yang membawa maksud seseorang yang patuh kepada buku *Zenda*. Kemudian perkataan *zindiq* telah diistilahkan maknanya kepada agama Mani kerana pemeluk-pemeluknya menggunakan buku *Zenda* serta kitab-kitab suci yang lain. Sebagai

---

<sup>106</sup>Waardenburg, *Jacques* (1999), *op.cit.*, h. 37. Lihat al-Qarsyi, Abi al-Farraj ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin al-Jawzi (1966), *Kitab al-Mawdu‘at*, Madinah al-Munawwarah: Sahib al-Maktabah, h. 267.

<sup>107</sup>Fahaman yang mempercayai bahawa hanya kebendaan yang menyebabkan terjadinya atau wujudnya sesuatu di dunia ini.

<sup>108</sup>H. Harun Nasution (Prof) (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 1010.

<sup>109</sup>Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 148.

penganut agama ini, mereka telah mengulas keterangan dari kitab-kitab suci secara tafsiran atau takwilan.<sup>110</sup>

Demikian itu, penulis telah meneliti bahawa perkataan *zindiq* ini sering digunakan untuk menyifatkan penganut atau pengikut fahaman Manuwiyyah. Ibn Nadim turut memperkatakan tentang istilah *zindiq* tersebut. Ia suatu perkataan yang telah digunakan yang mana maknanya telah dikhususkan terhadap pengikut-pengikut agama Manu atau Manuwiyyah. Di samping itu, ia bukanlah suatu perkataan yang maknanya menyeluruh sebagaimana yang ditujukan kepada individu *kafir* atau penganut ateis.<sup>111</sup>

Menurut beliau lagi, terdapat nama beberapa orang ketua penganut Manuwiyyah ketika pemerintahan Mu'izz al-Dawlah di Baghdad yang menganut Islam pada zahirnya sahaja, tetapi mereka merahsiakan kezindiqkan mereka. Mereka antaranya termasuklah Ja'd bin Dirham,<sup>112</sup> Khalid bin 'Abdullah al-Qasri,<sup>113</sup> Salih bin 'Abd al-Quddus,<sup>114</sup> Basyar bin Burd<sup>115</sup> dan Salim bin al-Khasir<sup>116</sup> yang masing-masing dituduh sebagai kumpulan *zindiq* pada masa tersebut.<sup>117</sup>

---

<sup>110</sup> *Ibid.*, h. 152.

<sup>111</sup> Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 150.

<sup>112</sup> Beliau adalah pengasuh kepada Marwan bin Muhammad, khalifah terakhir dari Bani Umayyiah.

<sup>113</sup> Abu Yazid, Abu al-Hithsm Khalid bin 'Abd al-Llah bin Yazid bin Asad bin Kurz al-Bajaliyy. Ia dipanggil sebagai al-Qasri dan merupakan salah seorang pemimpin Iraq dari kelompok Hisyam bin 'Abd al-Malik al-Umawiy. Khalid adalah seorang individu yang mengarang khutbah 'Arab yang masyhur dengan kefasihan dan gaya bahasanya. Gelaran al-Qasri dinisbahkan kepada Qasr bin 'Abqari yang sebangsa dengannya.

<sup>114</sup> Abu al-Fadl Salih bin 'Abd al-Quddus al-Basriy. Ia seorang penyair dan telah dituduh sebagai *zindiq* oleh Khalifah al-Mahdi. Ia telah dibunuh pada tahun 167H.

<sup>115</sup> Abu Muaz Basyar bin Burd bin Barjukh al-'Uqaliyy. Salah seorang penyair yang masyhur dan telah menjadi kebanggaan Khalifah al-Mahdi. Ia turut digelar sebagai seorang yang *zindiq*.

<sup>116</sup> Abu 'Umar Salim juga seorang penyair yang masyhur dikenali dengan gelaran al-Khasir. Salim bin 'Umar bin Hammad bin 'Ata bin Basir yang dinasabkan kepada Ahmad bin Abi Tahir. Di samping itu ia juga salah seorang pelajar kepada Basyar bin Burd.

<sup>117</sup> Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 148 dan 149.

### 3.2.3 *Zindiq* dan Agama Mazdakiyyah

Agama yang seterusnya pula berkaitan dengan agama Mazdak yang muncul di sekitar tahun 487M. Pada tahun tersebut juga telah lahir seorang yang bernama Mazdak di Naisabur, Persia. Ajaran Mazdak memperkenalkan dua konsep utama iaitu konsep cahaya dan kegelapan sebagaimana konsep agama Zoroaster dan Manuwiyyah. Walaupun begitu konsep yang lebih menonjol adalah fahaman sosialisme<sup>118</sup> yang lebih memandangkan manusia yang dilahirkan di dunia ini adalah dalam keadaan yang sama.<sup>119</sup>

Menurut Mazdak lagi, manusia harus hidup dalam keadaan yang sama rata terutamanya terhadap hal harta benda dan wanita. Ini bermaksud bahawa harta benda dan wanita menjadi pemilikan bersama. Selain daripada itu, Mazdak juga melarang manusia berselisih faham, saling benci-membenci, dan saling bunuh-membunuh. Pemilikan bersama terhadap harta dan wanita adalah sama dengan konsep pemilikan terhadap air, api dan tanah. Harta merupakan rezeki yang diberikan Tuhan untuk dibahagikan sama rata di antara sesama manusia. Namun begitu, dalam kalangan kehidupan manusia ada di antara mereka yang bersikap zalim. Disebabkan sikap sedemikian, maka telah berlaku pula penindasan ke atas golongan lemah yang dilakukan oleh golongan kuat.<sup>120</sup>

---

<sup>118</sup>Iaitu teori atau sistem organisasi yang menganjurkan supaya sumber-sumber kekayaan seperti pengeluaran, tanah, modal dan sebagainya dijadikan milik negara untuk dinikmati oleh setiap rakyat dengan sama rata.

<sup>119</sup>Taufik Abdullah (Prof.) (Dr.) (ed) (2002), *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 34.

<sup>120</sup>*Ibid.*.

Mazdak dan pengikutnya telah menganjurkan supaya golongan miskin mendapatkan rezeki daripada golongan yang kaya-raya. Sesiapa yang memiliki harta dan wanita secara berlebihan, ia tidak bermakna menjadi suatu keutamaan dari individu-individu yang lain. Daripada keadaan tersebut golongan miskin telah mengambil kesempatan ini dan mereka menyebelahi serta menjadi pengikut fahaman Mazdak. Selain daripada ajaran yang telah dijelaskan Mazdak turut mengamalkan amalan kerohanian yang lain umpamanya sikap berzuhud, sederhana dalam kehidupan, memuliakan binatang dan melarang penyembelihannya.<sup>121</sup>

Sebagaimana agama Zoroaster, istilah *zindiq* juga digunakan untuk menunjukkan sifat dan sikap penganut-penganut agama Mazdakiyyah yang mengagung-agungkan fahaman sosialisme dalam kehidupan.

Umumnya, agama Mazdakiyyah mempunyai sedikit saduran daripada agama Zoroaster dan agama Manuwiyyah terutamanya dalam konsep cahaya (sumber kebaikan) dan kegelapan (sumber kejahatan). Namun begitu, perkaitan agama Mazdakiyyah dengan istilah *zindiq* turut dapat dikenal pasti dalam prinsip-prinsip utama agama ini. Kesenambungan pertama yang diteliti adalah berkaitan sikap memuliakan binatang sehingga mengemukakan larangan untuk menyembelihnya. Perbuatan ini adalah haram dilakukan dalam agama ini disebabkan bimbang menyakiti binatang.

---

<sup>121</sup> Ahmad Amin (Dr) (1980), *op.cit.*, h. 153.

Selari dengan hal tersebut, sikap zalim juga berlaku sehingga membawa kepada perbuatan menindas yang dilakukan oleh golongan yang kuat ke atas golongan yang lemah. Perkara-perkara sedemikian sebenarnya telah menggambarkan wujudnya perbuatan *zindiq* dalam agama Mazdakiyyah walaupun secara tidak langsung dan segelintir sahaja.

Setelah mengkaji dengan teliti ketiga-tiga agama kuno tersebut, penulis dapat mengklasifikasikan perkataan *zindiq* secara khususnya memang berkait rapat dengan ketiga-tiga agama yang dibincangkan iaitu agama Zoroaster, agama Manuwiyyah dan agama Mazdak. Perkaitan yang wujud di antara *zindiq* dan agama tersebut menjadikan suatu kenyataan bahawa perkataan *zindiq* ini muncul berdasarkan kepada beberapa asasnya yang tertentu.

Penulis telah mendapati perkaitan yang wujud di antara agama Zoroaster, Manuwiyyah dan Mazdakiyyah dapat dilihat dalam konteks kepercayaan dan kecenderungan terhadap dua unsur alam iaitu konsep cahaya dan kegelapan sebagai suatu kuasa yang wujud di alam ini. Konsep cahaya dan kegelapan yang dijelaskan menerusi ketiga-tiga agama tersebut adalah berkait dengan Tuhan Kebajikan dan Tuhan Kejahatan yang disimbolkan dengan unsur cahaya dan kegelapan. Perkara ini merupakan hubungan rapat yang dapat dicungkil melalui ketiga-tiga agama tersebut.

Pada masa yang sama pula, kitab suci *Avesta* telah diterjemahkan dengan pentafsiran dan takwilan tertentu yang dilakukan dalam bahagian-bahagian tertentu oleh para penganut agama Zoroaster dan Manuwiyyah. Perkaitan turut wujud dalam agama Mazdakiyyah apabila berlaku sedikit saduran daripada kedua agama tersebut.



Manakala perbuatan menterjemahkan kitab suci dalam agama-agama tersebut menjelaskan wujudnya perbuatan *zindiq* walaupun secara tidak langsung. Dengan demikian perkara ini turut memberikan suatu gambaran bahawa ketiga-tiga agama ini adalah saling berkaitan di antara satu masa lain berdasarkan asas utama prinsip-prinsip dalam ketiga-tiga agama itu.

### 3.3 Ciri-ciri golongan *zindiq*

Penulis telah menjelaskan beberapa unsur sejarah yang menonjolkan kemunculan konsep *zindiq* pada peringkat awalnya. Dengan demikian, penulis akan dapat menyatakan ciri-ciri golongan yang boleh diklasifikasikan sebagai golongan *zindiq*. Terdapat beberapa kelompok *zindiq* sebagaimana yang dijelaskan oleh ‘Abd al-Rahman Badawi yang disebut dalam kitab *Fihrist*. Kelompok tersebut dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu kumpulan Manuwiyyah, kumpulan teologi dan kumpulan ahli sasterawan.<sup>122</sup>

Kumpulan penganut Manuwiyyah wujud kerana didorong oleh faktor keimanan secara tulus terhadap fahaman itu. Kebanyakan individu yang terlibat dalam golongan ini terdiri daripada para pembesar kerajaan seperti Salih bin ‘Abd al-Quddus, Abu al-Husain al-Khayyat dan sebagainya. Kelompok ini disebut sedemikian selain daripada disandarkan kepada penganut Manuwiyyah adalah kerana terdapat suatu faktor yang berkaitan dengan kezindiqkan, misalnya mempercayai konsep

---

<sup>122</sup> ‘Abd al-Rahman Badawi (1945), *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam*, Khoiron Nahdiyyin (2003) (terj.), *Sejarah Ateis Islam: Penyelewengan, Penyimpangan, Kemapanan*, Yogyakarta: Indonesia, h. 40.

penjelmaan semula, cenderung mengikuti aliran Syi'ah Rafidah dan menganut fahaman *qadariyyah*.<sup>123</sup>

Seterusnya kelompok yang kedua pula yang digelar termasuk dalam kumpulan *zindiq* ialah kumpulan teologi dan ahli falsafah. Kelompok ini wujud adalah disebabkan oleh faktor intelektual dan konsep berpegang kepada pemikiran *skeptikal*.<sup>124</sup> Fahaman mereka lebih mementingkan aspek-aspek keintelektualan dan pemikiran semata-mata.<sup>125</sup> Terdapat beberapa individu yang cenderung dalam prinsip ini dan digelar sebagai *zindiq* umpamanya Ibn al-Rawandi,<sup>126</sup> Abu 'Isa al-Warraq<sup>127</sup> dan lain-lain lagi.

Manakala kelompok sasterawan dan kolumnis seperti penulis-penulis majalah atau surat khabar atau golongan penyair adalah kelompok ketiga yang digolongkan sebagai kumpulan *zindiq*. Hal ini adalah kerana faktor kecenderungan *syu'ubiyyah*<sup>128</sup> yang muncul dalam diri seseorang dalam kumpulan ini, dan seterusnya menonjolkan *kezindiqkan*. Kebanyakan para penyair atau kolumnis lebih mementingkan unsur-unsur kejekanaan daripada konsep keimanan.<sup>129</sup>

---

<sup>123</sup> *Ibid.*, h. 41-43.

<sup>124</sup> Iaitu sikap yang suka berpegang kepada prinsip atau sikap yang waswas, ragu-ragu, dan kurang percaya.

<sup>125</sup> Abd al-Rahman Badawi (1945), *op.cit.*, h. 42.

<sup>126</sup> Abu al-Hussain Ahmad bin Yahya bin Ishaq seorang pengarang dalam bidang ilmu kalam. Ia merupakan seorang mutakallimin berfahaman Mu'tazilah yang kemudiannya telah berpecah dari fahaman itu dan menjadi seorang *mulhid* dan *zindiq*.

<sup>127</sup> Guru kepada Ibn ar-Rawandi yang pada awalnya berfahaman Mu'tazilah. Akhirnya ia telah diusir dari fahaman tersebut disebabkan ia dikatakan sebagai penganut Syi'ah Rafidah. Manakala al-Khayyat pula menyatakan ia sebagai penganut Manuwiyyah yang berpegang kepada prinsip cahaya dan kegelapan.

<sup>128</sup> Kecenderungan atau gerakan *syu'ubiyyah* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada gerakan politik kebudayaan yang muncul pada awal kekuasaan 'Abbasiyyah. Selain dari itu, gerakan ini turut dikaitkan dengan sentimen bangsa Parsi yang mana telah mendakwa pergerakan mereka sebagai gerakan tersebut. Lihat juga 'Abd al-Rahman Badawi (1945), h. 30 dan Hontsman, M. TH. *et al.* (1987), h. 1042.

<sup>129</sup> Abd al-Rahman Badawi (1945), *op.cit.*, h. 44-45.

Di samping itu, terdapat juga para penyair yang mempunyai pengetahuan luas tentang bahasa dan sastra Persia kuno serta telah menterjemahkannya. Ekoran daripada hal ini telah mendorong mereka menumpukan tradisi Persia dan mengagungkannya dalam kehidupan. Akhirnya mereka telah digelar sebagai *zindiq* hasil daripada pengetahuan mereka yang menonjol terhadap kesusasteraan Persia. Individu yang terkenal dengan konsep tersebut iaitu Basyar bin Burd, Abban bin ‘Abd al-Hamid al-Lahiqi<sup>130</sup> dan Hammad ‘Ajrad.<sup>131</sup>

Selain daripada itu, ciri-ciri yang dikategorikan dalam kelompok *zindiq* ini juga terdiri daripada kumpulan individu yang mempelajari ilmu falsafah dan logik akal sebagaimana yang berlaku dalam perkembangan Pemikiran Islam, sehingga timbul penentangan yang keras terhadap ilmu tersebut. Kenyataan yang dinyatakan menggambarkan bahawa kumpulan ahli falsafah dan logik akal adalah golongan *zindiq* mengikut situasi pada masa tersebut. Malah kemunculan ilmu kalam juga dianggap sebagai mengandungi unsur-unsur falsafah tertentu yang turut dikaitkan sebagai ciri-ciri golongan *zindiq*<sup>132</sup> misalnya dalam persoalan keesaan Allah s.w.t.

Hasil daripada perbincangan yang telah dihuraikan, penulis telah dapat merumuskan satu rumusan tentang ciri-ciri golongan yang termasuk dalam istilah *zindiq*. Penulis berpandangan bahawa mereka adalah terdiri daripada individu atau kumpulan yang berbeza pegangan aliran mazhab dengan aliran mazhab Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah sebagaimana yang dilaksanakan pada masa kini. Di samping itu,

---

<sup>130</sup>*Ibid.*. Sebenarnya telah wujud kecenderungan *syu‘ubiyyah* dalam dirinya. Selain daripada itu, sikap dan watak dalam mempermainkan dan menonjolkan kejenakaan yang telah didominasinya telah menjadi suatu kecenderungan untuk merendahkan orang lain. Situasi ini sudah tentu memberikan pengaruh yang besar terhadap sikap ateisme dalam dirinya.

<sup>131</sup>Hammad bin ‘Umar bin Yunus bin Kulaib al-Khufi. Ia lebih dikenali dengan nama ‘Ajrad iaitu seorang penyair yang masyhur pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyah.

<sup>132</sup>Ahmad ‘Atiyyah-Allah (1970), *op.cit.*, h. 96.

kelompok individu yang meninggalkan kewajiban-kewajiban fardu seperti meninggalkan solat, puasa, haji, dan seumpama dengannya adalah dianggap sebagai golongan yang *zindiq*.

## **BAB KEEMPAT**

### **KONSEP *ZINDIQ* DAN HUBUNG KAITNYA**

#### **4.1 Pendahuluan**

Setelah meneliti pengertian, sejarah dan ciri-ciri konsep *zindiq*, penulis seterusnya akan menjelaskan beberapa persoalan yang dikaitkan dengan konsep tersebut yang sering digunakan khususnya dalam Pemikiran Islam. Konsep *zindiq* sebenarnya sering dikaitkan dengan persoalan seperti persoalan *kafir*, ateis dan sebagainya. Selain dari itu, ia turut dikaitkan dengan aliran yang wujud dalam pemikiran contohnya aliran *qadariyyah*. Persoalan-persoalan sedemikian memerlukan penjelasan yang utuh supaya konsep *zindiq* yang timbul hari ini dapat ditafsirkan penggunaannya dengan lebih jelas.

#### **4.2 *Zindiq* dan persoalan yang dikaitkan**

Penulis akan meneliti beberapa persoalan yang dikaitkan dengan konsep *zindiq* sebagaimana yang telah dibincangkan menerusi bab-bab yang sebelumnya. Penulis memfokuskan tiga konsep yang menjadi hubung kait dengan terminologi *zindiq*. Konsep tersebut termasuklah *zindiq* dan hubungannya dengan *qadariyyah*, *zindiq* dan hubungannya dengan *kafir* dan *zindiq* yang dihubungkan dengan konsep *mulhid* ataupun ateis. Walaupun terdapat banyak konsep yang boleh dikaitkan dengan *zindiq*, namun begitu penulis hanya meneliti tiga persoalan ini sahaja. Hal tersebut

disebabkan ketiga-tiga konsep itu mempunyai perkaitan dengan persoalan *zindiq* secara langsungnya.

#### 4.2.1 *Zindiq dan qadariyyah*

Perbincangan seterusnya akan merujuk kepada konsep *qadariyyah* yang sering menjadi persoalan dalam pemikiran Islam dan juga kerap dikaitkan dengan persoalan *zindiq*. Mazhab *qadariyyah* merupakan salah satu mazhab dan aliran yang wujud dalam sejarah pemikiran Islam. Mazhab ini turut dikenali juga sebagai mazhab *al-ikhtiyariyyah*.<sup>133</sup>

Kemunculan mazhab dan fahaman ini dikesan pada akhir zaman Khulafa' al-Rasyidin dan zaman Bani Umaiyah yang mana telah timbul pelbagai persoalan takdir dalam kalangan umat Islam pada masa itu. Hal ini berlaku disebabkan akibat daripada penentangan dan perpecahan yang terjadi dalam kehidupan umat Islam sendiri misalnya bermacam-macam fitnah yang mendorong penyimpangan dan penyelewengan yang akhirnya menimbulkan persoalan-persoalan.

Kesan daripada itu, timbul fahaman yang berlebih-lebihan menyatakan bahawa manusia tidak mempunyai kehendak dan usaha sama sekali. Malah ia

---

<sup>133</sup>Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (Prof. Madya) (Dr.), (Julai 2002), *Jurnal Pengajian Melayu*, "Aliran al-Qadariyyah : Perkembangan, pengaruh dan kesannya di Alam Melayu dan khususnya di Malaysia", bil. 12, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 2. Lihat al-Ghurabi (t.t.), *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah wa al-nasy'ah 'Ilm al-Kalam 'Ind al-Muslimin*, (T.T.P), h. 32.

sebenarnya telah diakdirkan oleh Allah s.w.t dan dilakukan oleh Allah s.w.t sendiri. Fahaman ini dikenali sebagai fahaman *jabariyyah*.<sup>134</sup>

Reaksi daripada fahaman *jabariyyah* tersebut maka muncul pula satu golongan yang menentang fahaman itu. Golongan yang menentang ini juga mempunyai prinsip yang melampau-lampau dengan menyatakan bahawa amal dan perbuatan manusia adalah di atas kehendak manusia itu sendiri dan bebas daripada kehendak dan takdir Allah s.w.t. Golongan sedemikian disebut sebagai fahaman *qadariyyah*.<sup>135</sup> Ia mempunyai doktrin dan falsafahnya yang tersendiri dengan dipelopori oleh tokoh-tokoh yang menggerakannya sebagai suatu fahaman.<sup>136</sup>

Fahaman *qadariyyah* merupakan fahaman kedua yang dibawa oleh Wasil bin 'Ata' iaitu orang pertama yang melahirkan aliran Mu'tazilah.<sup>137</sup> Menurut aliran ini, fahaman *qadariyyah* adalah bahawa semua perbuatan manusia diciptakan oleh manusia sendiri dan bukannya diciptakan oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t tidak mempunyai hubungan dengan perbuatan dan pekerjaan manusia, dan apa yang dilakukan oleh manusia adalah tidak diketahui oleh Allah s.w.t sebelumnya. Malah setelah sesuatu perbuatan itu telah dilakukan oleh manusia, barulah Allah s.w.t akan mengetahuinya.<sup>138</sup>

---

<sup>134</sup>Iaitu berasal daripada perkataan *al-jabr* bermaksud terpaksa atau tidak ada kehendak dan kebebasan. Ia juga berkait rapat dengan perbuatan manusia dan hubungannya dengan perbuatan Allah. Lihat Abd Rahim Nur (1981), *Percaya Kepada Taqdir Membawa Kemajuan atau Kemunduran*, Singapura: Penerbitan Solo Enterprises, h. 20.

<sup>135</sup> *Ibid.*

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup>H. Harun Nasution (2002), *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, h. 44-45.

<sup>138</sup>H. Kafrawi Ridwan *et al.* (Drs.) (1999), *Ensiklopedi Islam*, c. 5, j. 3, Jakarta: PT Ihtiar Van Hoeve, h. 291.

Oleh yang demikian itu, Allah s.w.t pada masa tersebut tidak menggerakkan kuasanya kerana telah dipindahkan kepada manusia. Bahkan ia hanya melihat dan memerhatikan sahaja apa yang dikerjakan oleh manusia. Sekiranya manusia mengerjakan perbuatan atau amalan yang baik maka seseorang itu akan diberikan pahala sebagai balasan yang diberikan oleh Allah s.w.t. Ini disebabkan manusia telah menggunakan kudrat yang diberikan Allah s.w.t dengan sebaik-baiknya. Tetapi sekiranya, manusia tidak menggunakan kudrat itu sebaik-baiknya maka ia akan dihukum setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukannya.<sup>139</sup>

Selain daripada itu, disebut juga sebagai *qadariyyah* kerana ia bermaksud bahawa manusia memiliki kekuasaan untuk membuat dan bertindak sesuai dengan kemampuan yang diberikan Allah s.w.t kepadanya. Sesetengah pendapat ada menyatakan bahawa semua perbuatan manusia yang baik adalah ciptaan Allah s.w.t sedangkan perbuatan manusia yang buruk serta maksiat adalah ciptaan diri manusia itu sendiri. Demikian itu ia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Allah s.w.t.<sup>140</sup>

Perkataan *qadariyyah* mengikut istilah bahasa Inggeris dikenali sebagai golongan *free will* dan *free act* kerana mereka menganut prinsip bebas berkehendak dan bertindak.<sup>141</sup> Menurut ahli teologi Islam pula adalah tidak dapat diketahui tentang tarikh kemunculan fahaman *qadariyyah* ini. Namun begitu mereka berpendapat bahawa ia sebenarnya telah ditimbulkan oleh seorang individu yang bernama Ma'bad al-Juhani<sup>142</sup> dan Ghaylan al-Dimasyqi<sup>143</sup>.

---

<sup>139</sup> *Ibid.*.

<sup>140</sup> *Ibid.*. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (Prof. Madya) (Dr.), *op.cit.*, h. 6-12.

<sup>141</sup> H. Kafrawi Ridwan *et al.* (Drs.) (1999), *op.cit.*, j. 3, h. 291.

<sup>142</sup> Seorang tabi'in dan salah seorang pelajar kepada Wasil bin 'Ata dan Hasan al-Basri di Basra.

<sup>143</sup> Salah seorang hamba 'Uthman bin 'Affan yang bernama Marwan, dikenali sebagai tabi'in yang alim, zuhud dan gemar berdakwah agar orang mengesakan Allah s.w.t dan merenungkan keadilannya.



Kemudian Ibn Natabah<sup>144</sup> menyatakan bahawa individu yang mula-mula mengembangkan fahaman tersebut adalah seorang penduduk 'Iraq. Pada mulanya dia adalah seorang Nasrani yang kemudiannya telah memeluk Islam, akan tetapi pada akhirnya telah kembali memeluk Nasrani semula. Dari individu ini Ma'bad al-Juhani dan Ghailan al-Dimasyqi menganut fahaman *qadariyyah* tersebut.<sup>145</sup> Ma'bad kemudiannya telah dihukum mati kerana dia membawa fahaman *qadariyyah* tersebut. Ghailan juga turut dihukum mati oleh Khalifah Hisyam bin 'Abd al-Malik disebabkan dia turut mengambil fahaman tersebut.<sup>146</sup>

Pada masa yang sama aliran Mu'tazilah telah dianggap sebagai fahaman *qadariyyah* dengan menonjolkan fahaman yang dibawa oleh mereka. Fahaman ini juga telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam skopnya yang tersendiri kerana persoalan *qadariyyah* ini merupakan suatu permasalahan yang luas yang menyentuh cabang-cabang persoalan ilmu kalam.<sup>147</sup> Persoalan *qadar* adalah persoalan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t terhadap semua hamba ciptaannya sama ada ketetapan baik atau sebaliknya. Namun begitu sesuatu ketetapan boleh berubah bergantung kepada beberapa faktor yang boleh merubahnya seperti berdoa.

Berdasarkan perbincangan tentang fahaman *qadariyyah* tersebut penulis mendapati wujud hubung kait dan kesinambungannya dengan konsep *zindiq* yang telah dijelaskan. Prinsip dan pegangan tentang persoalan takdir sebagaimana yang dijelaskan oleh fahaman *qadariyyah* adalah termasuk dalam perbuatan *zindiq*. Hal ini

---

<sup>144</sup>Seorang ahli sejarah yang mengarang kitab *Syahr al-'Uyun*.

<sup>145</sup>H. Kafrawi Ridwan *et al.* (Drs.) (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 338.

<sup>146</sup>*Ibid.*

<sup>147</sup>*Ibid.*

bermakna setiap golongan yang telah mengingkari konsep *qada'* dan *qadar* Allah s.w.t adalah dikategorikan sebagai golongan *zindiq*.<sup>148</sup>

#### 4.2.2 *Zindiq* dan *kafir*

Penulis juga telah meneliti perkaitan konsep *zindiq* dengan konsep *kafir* melalui beberapa perbincangan. Konsep ini dikaitkan di antara satu sama lain kerana ia sebenarnya mempunyai kesinambungan secara langsung dengan konsep *zindiq* sebagaimana yang telah dijelaskan menerusi bab-bab sebelum ini.

Perkataan *kafir* merujuk kepada maksud bahawa seseorang individu yang tidak percaya kepada Allah s.w.t dan Rasulnya. Secara bahasa ia bererti menutupi sesuatu, menyembunyikan kebaikan yang telah diterima atau tidak berterima kasih. Perkataan jamaknya ialah *kafirun* dan *kuffar*. Secara terminologi ia merujuk kepada golongan yang ingkar terhadap kebenaran Islam dan keluar dari agama Islam.<sup>149</sup>

Di samping itu, di dalam al-Quran turut dihuraikan mengenai konsep ini yang ditujukan kepada sesuatu perbuatan yang ada hubungannya dengan Tuhan seperti mengingkari nikmat-nikmat Allah s.w.t, sikap tidak bertanggungjawab, menolak hukum-hukum Allah s.w.t dan sebagainya.<sup>150</sup> Ia telah disebut sebanyak 525 kali

---

<sup>148</sup>Hal ini sebagaimana wujud dalam beberapa hadis yang telah dibincangkan melalui bab kedua dalam penulisan kajian ilmiah ini.

<sup>149</sup>Abdul Aziz Dahlan *et al* (ed) (1999), *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Van Hoeve, c. 3, h. 856.

<sup>150</sup>Hasan Ma'arif *et al*. (1999), *op.cit.*, *Ensiklopedi Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Van Hoeve, h. 342. Lihat juga Abdul Aziz Dahlan *et.al* (ed.) (1999), h. 856.

menerusi al-Quran secara asal perkataan *kafir* dan kata terbitannya. Allah s.w.t telah berfirman sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran al-Karim.

Firman Allah s.w.t menerusi al-Quran;

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ تَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ  
أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتَحْفَظُوا مِنْ  
كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُوا اللَّهَ  
وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan kitab itu diputuskan perkara orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah s.w.t oleh orang-orang alim mereka dan pendeta-pendeta mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah s.w.t, dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Oleh kerana itu janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat Ku dengan harga yang sedikit. Barang siapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah s.w.t, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.”

(al-Maidah (5): 44)

Allah s.w.t berfirman bahawa;

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعَدَ الْحَقُّ  
وَوَعَدْتُكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ وَمَا كَانَ لِي عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا أَنْ

دَعَوْتُمْ فَأَسْتَجَبْتُمْ لِي<sup>ط</sup> فَلَا تُلُومُونِي<sup>ط</sup> وَلُومُوا<sup>ط</sup> أَنْفُسَكُمْ<sup>ط</sup> مَا أَنَا<sup>ط</sup>  
بِمُصْرِحِكُمْ<sup>ط</sup> وَمَا أَنْتُمْ<sup>ط</sup> بِمُصْرِحِي<sup>ط</sup> إِنْ كَفَرْتُمْ<sup>ط</sup> بِمَا<sup>ط</sup>  
أَشْرَكْتُمْ<sup>ط</sup> مِنْ قَبْلُ<sup>ط</sup> إِنَّ الظَّالِمِينَ<sup>ط</sup> لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

“Dan berkatalah syaitan tatkala perkara (hisab) telah diselesaikan; Sesungguhnya Allah s.w.t telah menjanjikan kepada mu janji yang benar, dan aku pun telah menjanjikan kepada mu tetapi aku menyalahinya. Sese kali tidak ada kekuasaan bagi ku terhadap mu, melainkan (sekadar) aku menyeru kamu, lalu kamu mematuhi seruan ku. Oleh sebab itu janganlah kamu mencerca aku, akan tetapi cercalah diri mu sendiri. Aku sekali-kali tidak membenarkan perbuatan mu mempersekutukan aku (dengan Allah s.w.t) sejak dahulu. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu mendapat seksaan yang pedih.”

(Ibrahim (14): 22)

Pengertian perkataan *kafir* yang paling dominan adalah berkaitan dengan pendustaan atau pengingkaran terhadap Allah s.w.t dan Rasulnya, Nabi Muhammad s.‘a.w serta ajaran yang dibawanya. Istilah *kafir* dalam pengertian terakhir ini pertama kali digunakan dalam al-Quran untuk menyebut para *kafir* Mekah. Bahkan dalam al-Quran sendiri terdapat surah al-Kafirun yang khusus ditujukan kepada golongan tersebut.<sup>151</sup>

Allah s.w.t berfirman;

<sup>151</sup> Abdul Aziz Dahlan *et al.* (ed.) (1999), *op.cit.*, h. 342.

## عَلَى الْكٰفِرِيْنَ غَيْرِ يَسِيْرٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

“Bagi orang-orang kafir lagi tidak mudah.”

(al-Muddaththir (74): 10)

Dari segi akidah pula istilah *kafir* sering ditujukan kepada konsep kehilangan iman yang membawa maksud kehilangan sesuatu yang paling berharga dalam diri manusia. Dengan demikian penulis juga telah merujuk kepada pengertian *kafir* yang paling umum dan digunakan menerusi penulisan buku-buku akidah adalah menolak kebenaran daripada Allah s.w.t yang disampaikan oleh Rasulnya, atau secara ringkasnya *kafir* adalah lawan kepada keimanan.<sup>152</sup>

Daripada pelbagai pendefinisian yang telah diteliti, maksud perkataan *kafir* ini ditujukan kepada individu yang menolak kebenaran dari Allah s.w.t atau individu yang mengingkari dan tidak mempercayai dengan sedar terhadap semua atau sebahagian ajaran-ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.‘a.w.<sup>153</sup> Walau bagaimanapun skop, maksud dan pengertiannya tidak tertakluk hanya kepada satu pengertian khusus sahaja. Tetapi ia mempunyai perbezaan yang tersendiri mengikut beberapa pendapat ahli ulama, mutakallimin dan sebagainya.

---

<sup>152</sup> *Ibid.*, h. 343.

<sup>153</sup> Ahmad Saifuddin Sadiq (1996), *73 Golongan Sesat dan Selamat*, Selangor: Pustaka Ilmi, h. 30.

Setelah beberapa pendefinisian dilakukan terhadap istilah *kafir* tersebut, penulis telah mendapati wujud pengertian yang dikaitkan dengan konsep *zindiq*, sebagaimana yang telah dijelaskan menerusi perbincangan sebelum ini. Selain daripada fahaman *qadariyyah*, perkataan *kafir* sebenarnya turut menjadi hubungan penting dengan konsep *zindiq* dengan merujuk kepada dasar pengertian dan maksudnya.

Berdasarkan pengertian yang telah dibincangkan, *zindiq* merujuk kepada individu yang telah terpesong imannya, atau individu yang sesat dan tidak mempercayai agama Allah s.w.t. Situasi dan keadaan demikian menunjukkan wujud persamaan dengan pengertian konsep *kafir* yang lebih kepada konsep pengingkaran terhadap Allah s.w.t dan Rasulnya Nabi Muhammad s.‘a.w serta ajaran-ajaran yang dibawanya.<sup>154</sup>

Kesinambungan yang dihubungkan di antara *zindiq* dan *kafir* ditunjukkan melalui pendefinisian secara langsung. Penulis telah menjelaskan bahawa konsep di antara keduanya saling berkaitan, walaupun definisi *zindiq* sebenarnya sukar untuk ditentukan dengan lebih khusus dan terperinci.

Penulis turut meneliti konsep *kafir* dan jenis pembahagiannya yang menunjukkan persamaan dengan konsep *zindiq*. Secara langsungnya perkara tersebut dapat diteliti tentang *kafir juhud*, *kafir ingkar* dan *kafir ‘inad*. *Kafir juhud* merupakan *kafir* yang membenarkan dengan hati tentang kewujudan Allah s.w.t dan Rasulnya, serta ajaran yang dibawanya. Pada masa yang sama hal ini termasuk juga prinsip tidak

---

<sup>154</sup>Hasan Ma‘arif *et.al* (1999), *op.cit*, h. 342.

mahu mengikrarkan kebenaran yang diakui itu secara lahir. Muhammad Husayn Tabataba'i (1310H/1892M-1410H/1981M)<sup>155</sup> telah membahagikan jenis *kafir* ini kepada dua pembahagian. Pertama, *juhud* kepada Allah s.w.t iaitu tidak percaya tentang kewujudannya, syurga, neraka dan sebagainya. Penganutnya disebut sebagai *zindiq*, *ad-dahriyyah* atau ateis. Keduanya pula *juhud* kepada ajaran Allah s.w.t dalam keadaan mengetahui bahawa apa yang diingkarinya itu adalah kebenaran yang berasal dari Allah s.w.t.<sup>156</sup>

Ciri-ciri khas daripada *kafir* ini pada dasarnya hampir sama dengan *kafir ingkar* di samping sifat kesombongan yang menjadi ciri utamanya. Sementara *kafir ingkar* pula adalah *kafir* yang mengingkari Allah s.w.t secara lahir dan batin, para rasul serta ajaran-ajaran yang dibawanya, dan hari akhirat. Mereka menolak hal-hal yang bersifat ghaib dan mengingkari konsep kewujudan Allah s.w.t sebagai Zat Pencipta dan Pemelihara alam ini. Jenis *kafir* tersebut dikategorikan sebagai penganut ateisme<sup>157</sup>. Mereka hanya percaya kepada benda-benda yang dapat dijangkau oleh pancaindera manusia. Tujuan kehidupan mereka adalah berbentuk keduniaan semata-mata yang berkecenderungan terhadap hal-hal yang bersifat hedonistik. Seluruh waktu, tenaga, umur dan fikiran dihabiskan untuk mencari kenikmatan duniawi sahaja.<sup>158</sup>

Firman Allah s.w.t;

---

<sup>155</sup>Seorang ahli tafsir kontemporari dari Iran.

<sup>156</sup>Abdul Aziz Dahlan *et al.* (ed) (1999), *op.cit.*, h. 857.

<sup>157</sup>Fahaman yang mengingkari konsep kewujudan dan keberadaan Allah s.w.t.

<sup>158</sup>Abdul Aziz Dahlan *et al.* (ed.) (1999), *op.cit.*, h. 857.

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا  
وَالَّذِينَ اتَّقَوْا فَوْقَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ

حِسَابٍ ﴿٢١٢﴾

Maksudnya:

“Kehidupan dunia dijadikan indah dalam pandangan orang-orang kafir dan mereka memandang hina orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertakwa itu lebih mulia daripada mereka di hari kiamat. Dan Allah s.w.t memberi rezeki kepada orang-orang yang dikehendakinya tanpa batas.”

(al-Baqarah (2): 212)

Selain daripada itu, mereka juga berpendapat bahawa proses kehidupan di dunia ini berlangsung secara semula jadi dan murni tanpa wujudnya pencipta. Begitu juga dengan konsep penghidupan dan kematian. Masa adalah unsur yang menentukan segala proses tersebut. Sebagaimana *kafir juhud*, *kafir ingkar* turut mempunyai ciri khususnya yang tersendiri. Individu yang menganut fahaman ini sering melakukan pendustaan terhadap ayat-ayat Allah s.w.t sama ada ayat-ayat *qawliyyah*<sup>159</sup> ataupun ayat-ayat *kawniyyah*<sup>160</sup>.

<sup>159</sup> Ayat-ayat yang berbentuk firman Allah s.w.t yang diturunkan kepada manusia melalui rasul-rasulnya yang termaktub di dalam al-Quran.

<sup>160</sup> Abdul Aziz Dahlan *et al.* (ed.) (1999), *op.cit.*, h. 857. Hasan Ma'arif *et.al* (1999), *op.cit.*, h. 343. Ayat-ayat *kawniyyah* adalah ayat yang menunjukkan tanda-tanda Allah s.w.t di alam ini dalam bentuk ciptaannya yang sempurna dan mempunyai hikmah di sebaliknya.



Di samping kedua-dua konsep *kafir* yang telah dijelaskan, penulis turut membincangkan konsep *kafir* yang ketiga iaitu *kafir 'inad*. Jenis *kafir* ini merujuk kepada *kafir* yang mengenal Allah s.w.t dengan hati dan mengakuinya dengan lidah. Walaupun begitu, individu yang berfahaman sedemikian akan tidak mahu menjadikannya sebagai suatu keyakinan kerana adanya rasa permusuhan. *Kafir 'inad* telah dinyatakan di dalam al-Quran sebagai salah satu sifat orang-orang *kafir* yang mendustakan Allah s.w.t, tanda-tanda kekuasaannya, menderhakai para rasul dan juga menuruti perintah semua penguasa yang menentang kebenaran. Di samping mereka melakukan keingkaran, pada masa yang sama mereka juga menolak kebenaran.<sup>161</sup>

Menerusi ketiga-tiga contoh konsep *kafir* yang telah dijelaskan, ia mempunyai hubungan dengan konsep *zindiq* walaupun secara tidak langsungnya. Pendefinisian dan konsep sesuatu jenis *kafir* itu menunjukkan ia dikategorikan atau termasuk di dalam kelompok *zindiq* dan ciri-cirinya.

#### **4.2.3 *Zindiq* dan ateis**

Secara langsungnya konsep ateis atau *mulhid* dan *ilhad* ini selalu berkait rapat dengan konsep *zindiq*. Penulis menggunakan dua perkataan iaitu ateis dan *ilhad* disebabkan ia adalah perkara yang mempunyai konsep yang sama di antara keduanya. Perkataan ateis adalah sinonim dengan perkataan *ilhad* dengan merujuk kepada perkataan bahasa 'Arab. Perkataan *al-lahd* bermaksud penyimpangan dari bahagian

---

<sup>161</sup> *Ibid.*

tengah ke salah satu bahagian dari dua sisi. Penyimpangan atau penyelewengan yang berlaku adalah dari jalan yang benar.<sup>162</sup>

Kemudian istilah *ilhad* telah digunakan untuk menjelaskan fahaman yang mengingkari kewujudan Tuhan dan fahaman yang mengingkari kenabian walaupun pada masa yang sama tetap mempercayai Tuhan. Malah pengertian *ilhad* tidak hanya merujuk kepada istilah ateis, bahkan ia merangkumi semua aspek dan bentuk penyelewengan dalam bidang akidah.<sup>163</sup>

Terdapat enam lafaz *ilhad* dan *lahd* yang telah dinyatakan di dalam al-Quran. Tiga daripadanya merujuk kepada dua pengertian iaitu berlindung dan menuduh. Sementara tiga maksud yang selebihnya pula bererti penyimpangan dari jalan yang benar.<sup>164</sup> Seterusnya perkataan *mulhid* pula sering difokuskan terhadap individu yang melakukan penyelewengan dari kebenaran. Ia juga diertikan sebagai individu yang mempunyai sikap waswas terhadap sesuatu agama, khususnya agama Islam.<sup>165</sup>

Kesinambungan konsep *ilhad* atau ateis dengan konsep *zindiq* telah diteliti dan boleh dikategorikan kepada tiga perkara utama. Kumpulan pertama merangkumi bentuk penyimpangan dalam menyebut dan menggunakan *al-asma al husna* Allah s.w.t yang Maha Agung. Ia juga bererti menyembah Allah s.w.t dengan menggunakan nama-nama yang tidak sesuai dengan sifat dan keagungannya. Sekiranya diperhatikan dalam kalangan individu Muslim, *ilhad* seumpama ini dikenal pasti pada individu yang mempercayai daya efektif dan kemandirian hukum hubungan alam tanpa

---

<sup>162</sup>*Ibid.*, Hasan Ma'arif *et al.* (1999), *op.cit.*, h. 238.

<sup>163</sup>*Ibid.*. Lihat Steingass, F. (1972), *A Learner's Arabic-English Dictionary*, Beirut: Librairie Du Liban, h. 911-912.

<sup>164</sup>Steingass, F. (1972), *op.cit.*, h. 911-912.

<sup>165</sup>Lane, Edward William (1885), *Arabic-English Lexicon*, v. 7, Lahore: Islamic Book Centre, h. 2654.

menyedari konsep dan peranan Allah s.w.t sebagai tuhan yang Maha Agung. Di antara fahaman yang berkaitan dengannya seperti fahaman naturalisme, materialisme dan sebagainya.<sup>166</sup>

Di samping itu, *ilhad* yang merujuk kepada kumpulan kedua pula berkaitan *ilhad* terhadap ayat-ayat Allah s.w.t. Bentuk-bentuk *ilhad* yang termasuk dalam hal tersebut adalah penyelewengan terhadap ayat *al-kawniyyah* dan ayat *al-qawliyyah*. Hal sedemikian selalu berlaku umpamanya bentuk pemujaan dan penyembahan terhadap tanda alam semesta walaupun tetap mempercayainya sebagai tanda kewujudan Allah s.w.t perbuatan *ilhad* terhadap ayat-ayat *qawliyyah* dengan memandang bahawa ayat-ayat dalam al-Quran merupakan buatan manusia, merosakkan bacaannya dengan mengubah atau memutarbelitkan dan mentafsirkannya sesuai dengan kehendak hawa nafsu.<sup>167</sup> Bentuk penyelewengan sedemikian telah menunjukkan bahawa wujud ciri-ciri konsep *zindiq* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Kemudian kumpulan *ilhad* yang ketiga pula merupakan bentuk tindakan untuk menghalangi individu Muslim dalam menjalankan perintah Allah s.w.t atau mendorong seseorang itu untuk melakukan larangannya. Perbuatan seumpama ini dapat diperhatikan dalam kalangan individu yang sentiasa menghalang kaum Muslimin untuk mengerjakan ibadah di Masjid al-Haram.<sup>168</sup>

---

<sup>166</sup>Steingass, F. (1972), *op.cit.*, h. 911-912.

<sup>167</sup>*Ibid.*.

<sup>168</sup>*Ibid.*.

Ketiga-tiga konsep *ilhad* yang telah dibincangkan tersebut adalah konsep yang merangkumi ciri-ciri ateis. Oleh yang demikian itu, konsep *ilhad* sebenarnya tidak mempunyai banyak perbezaan dengan konsep ateis. Walaupun perbezaan itu tetap wujud, namun ia hanya berbeza dari segi terminologi bahasanya sahaja. Ateis juga sering dikaitkan dengan konsep penolakan terhadap tuhan daripada satu pemikiran dan penafian terhadap kewujudan tuhan.

Fahaman ateis atau *ilhad juga* telah digunakan sebagai satu perkataan yang dikaitkan dengan konsep penolakan terhadap tuhan yang ditunjukkan melalui pelbagai istilah seperti *misbelieve*, *disbelief*, *nonbelief* dan *unbelief*.<sup>169</sup> Demikian itu, *zindiq* adalah konsep yang tidak berbeza dengan konsep ateis. Ia mempunyai hubungan yang rapat di antara keduanya sebagaimana yang telah dijelaskan.

---

<sup>169</sup>Kevin, Paul *et al.* (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, Washington DC: Corpus Publications, h. 299-300.

## **BAB KELIMA**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

Sebagai mengakhiri penyelidikan ini, penulis akan mengemukakan beberapa konklusi dan kesimpulan yang menjadi inti pati penting terhadap konsep *zindiq* yang telah dibincangkan dari perspektif Pemikiran Islam.

#### **5.1 Kesimpulan**

Konsep *zindiq* dan persoalan yang dikaitkan dengannya merupakan suatu permasalahan istilah yang muncul dalam pemikiran individu Muslim kini. Perkataan atau terminologinya sering ditemui khususnya dalam penulisan-penulisan ilmiah. Walaupun begitu, pengertian terhadap konsep tersebut tidak dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Kebanyakan individu hari ini hanya menggunakan istilah tersebut dan tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dengannya.

Dalam mengemukakan kesimpulan terhadap pengkajian ini, penulis akan merujuk kepada beberapa aspek pendefinisian terhadap konsep *zindiq*. Sebenarnya konsep tersebut merupakan terminologi yang muncul dalam Pemikiran Islam kini dan ia bukan dari rumpun perkataan bahasa ‘Arab yang tulen.

Penelitian terhadap istilah *zindiq* dapat dilihat dari sudut bahasa yang mana terdapat beberapa perkataan iaitu;

( زَنْدِيقُ – الزَّنْدِيقُ – زَنْدِيقُ – زَنْدِيقُ – زَنْدِيقُ – زَنْدِيقُ )

dan ia ditujukan khusus kepada istilah tersebut. Melalui terminologi pula istilah *zindiq* ini diperolehi daripada perkataan bahasa Parsi yang dikenali dengan perkataan *zandin*, *zand* atau *zend*. Ia sebenarnya memfokuskan kepada pegguraian kepada sebuah buku daripada aliran Zoroaster. Berdasarkan perspektif bahasa dan terminologi maka dapat dirumuskana bahawa istilah *zindiq* yang dikaji ini mempunyai pelbagai maksudnya yang tersendiri. Perkataan terbitan sebagaimana yang telah dibincangkan kebiasaannya difokuskan kepada penggunaan perkataan *zindiq* yang digunakan dalam Bahasa Melayu.

Melalui perspektif al-Quran dan al-Hadith juga telah diteliti terhadap penggunaan perkataan *zindiq* tersebut. Namun begitu istilah ini tidak dijumpai secara jelas menerusi al-Quran. Hanya beberapa konsep umpamanya konsep *kafir*, *ateis*, *munafiq* dan sebagainya yang menjadi perkaitan serta maksudnya telah difokuskan kepada konsep *zindiq* tersebut dengan secara tidak langsungnya. Secara umumnya penulis telah meneliti dari perspektif al-Hadith iaitu wujud perkataan *zindiq* yang dinyatakan dengan jelas terutamanya menerusi teks hadith *mawdu'* atau *da'if* dalam bab perpecahan umat. Pengertian konsep *zindiq* dalam konteks ini dijelaskan berkaitan dengan individu yang tidak mempercayai persoalan *qadar* sebagaimana ajaran Islam yang sebenarnya.

Umumnya, penulis dapat meneliti dengan lebih dekat berkaitan konsep *zindiq* dari segi sejarah kemunculannya, bagaimana ia telah digunakan sehingga timbul pada masa kini, dan juga ciri-ciri penting dalam mengkategorikan golongan yang dianggap sebagai *zindiq*. Perkaitan daripada tiga agama Parsi kuno iaitu agama Zoroaster, Manuwiyyah, dan Mazdakiyyah telah menunjukkan kemunculan konsep *zindiq* ini secara tidak langsung terutamanya dari perspektif asas kepercayaan dalam agama tersebut.

Selain daripada itu penulis juga dapat menghubungkan perkaitan di antara konsep *zindiq* dengan konsep yang mempunyai skop persamaan dari segi pendefinisian dan maksud umpamanya konsep *kafir*, *qadariyyah*, dan ateis. Melalui perkaitan tersebut, penulis akan memperoleh kesimpulan sejauh mana konsep *zindiq* yang dibincangkan ini digunakan khususnya dalam Pemikiran Islam.

Kesinambungan di antara konsep *zindiq* dengan beberapa konsep sebagaimana yang telah dibincangkan oleh penulis telah menunjukkan bahawa perkataan *zindiq* sememangnya mempunyai perkaitan di antara satu sama lain. Walaupun perkaitan tersebut hanya diteliti dari segi pendefinisian, namun begitu ia sudah memadai untuk menggambarkan skop pengenalan awal perkataan *zindiq* yang digunakan dalam pemikiran individu Muslim.

Menerusi perkaitan dan kesinambungan yang dibincangkan skop persoalan *zindiq* sebenarnya mempunyai definisinya yang tersendiri dan berkait di antara beberapa konsep seperti *kafir*, *qadariyyah*, ateis dan sebagainya. Perbincangan yang

ditonjolkan ini akan menggambarkan tahap konsep *zindiq* dengan dikaitkan dengan beberapa maksud yang menjadi pengertian baginya.

Secara keseluruhannya istilah atau konsep *zindiq* ini sebenarnya sering diurai berdasarkan kepada sandaran khusus dan mengikut keadaan serta situasi tertentu misalnya seseorang dianggap sebagai seorang yang *zindiq* apabila ia mempelajari ilmu falsafah dan sebagainya. Oleh yang demikian itu, persoalan *zindiq* adalah istilah tradisi yang telah muncul dalam Pemikiran Islam. Kemunculan istilah ini salah satunya dilihat dari faktor politik yang mana berkemungkinan telah digunakan oleh sesetengah pihak untuk menjatuhkan lawannya dalam mempertahankan sesuatu prinsip yang berbeza dalam kalangan mereka. Maka mereka akan menuduh pihak lawan dengan istilah *zindiq*.

Manakala faktor yang kedua pula berkaitan dengan individu dan kelompok yang mempelajari ilmu logik akal yang turut diklasifikasikan dalam kumpulan *zindiq* kerana mengandungi unsur-unsur falsafah. Namun demikian, penulis berpandangan bahawa ilmu logik sebenarnya suatu cabang ilmu pengetahuan dan ilmu berfikir yang juga mempunyai faedahnya yang tersendiri. Individu yang mempelajarinya dengan landasan yang betul akan dapat melahirkan daya berfikir yang bijaksana.

Secara keseluruhannya penulis berpendapat dengan menyimpulkan bahawa persoalan dan istilah *zindiq* ini difokuskan kepada individu atau kelompok atau masyarakat yang mengingkari prinsip-prinsip asas ajaran Islam sama ada secara tersirat mahupun tersurat.



## 5.2 Saranan dan Cadangan

Penulis seterusnya akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan sebagai rangsangan kepada para pemikir dan pengkaji khususnya dalam Pemikiran Islam bagi meningkatkan bidang ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebagai individu Muslim, seharusnya seseorang itu perlu peka dan prihatin terhadap penggunaan istilah misalnya istilah *zindiq*. Hal sedemikian adalah untuk membuka pemikiran para pengkaji dan penulis ilmiah dalam mengembangkan idea yang lebih bernas terhadap sesuatu konsep. Para pengkaji dan penyelidik boleh mengetengahkan konsep tersebut dengan skop perbincangan yang lebih terperinci, misalnya konsep *zindiq* di alam Pemikiran Islam moden khususnya di Malaysia atau sebagainya lagi sebagai penjelasan terhadap isu ini.

Pada masa yang sama juga, para pengkaji dan penyelidik ilmiah boleh meneliti situasi dan keadaan semasa yang berlaku di sekeliling kita dengan menjuruskan pengkajian konsep ini menerusi kajian lapangan dan pemerhatian. Kajian perpustakaan yang digandingkan dengan kajian lapangan dengan meneliti perilaku atau keadaan yang dikategorikan sebagai *zindiq* juga perlu dikaji. Perkara ini adalah bertujuan untuk menjelaskan lagi konsep *zindiq* tersebut berdasarkan realiti sebenar pada hari ini.

Justeru itu, para pengkaji Pemikiran Islam khususnya perlu memainkan peranan mereka dalam menganalisis dan membuat kesimpulan terhadap penggunaan sesuatu konsep yang sering menjadi kekeliruan dalam Pemikiran Islam. Para pengkaji

perlu lebih cekap dalam membahaskan sesuatu konsep agar matlamat yang ingin disampaikan lebih efektif dan berkesan.

Seterusnya jabatan dan institusi Pemikiran Islam dan Pengajian Islam seharusnya memperluaskan skop pengajian yang menumpukan subjek-subjek khusus kajian tentang konsep *zindiq* dan seumpama dengannya.

Selain daripada itu, pihak penerbitan juga turut bertanggungjawab untuk menerbitkan penulisan yang berbentuk ilmiah terutamanya berkaitan konsep *zindiq* dan umumnya berkaitan dengan konsep-konsep yang lain. Pendedahan juga perlu ditonjolkan melalui seminar dan wacana ilmu tentang sesuatu konsep untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengannya. Para ahli akademik juga mesti berpengetahuan dengan pelbagai konsep dan mahir dalam menjelaskannya kepada masyarakat.

Di samping itu, umat Islam juga berperanan secara langsung dalam mendapatkan pendedahan tentang isu ini. Seajar dengan itu, kita sebagai individu Muslim yang berpegang teguh pada prinsip ajaran Islam sewajarnya mesti menjauhi dari bersifat *zindiq* yang boleh merosakkan pegangan akidah Islamiah.

Akhirnya, penulis berharap agar penulisan ilmiah ini akan dapat memberikan manfaat kepada para pengkaji dan penyelidik yang akan datang melalui skop yang lebih terperinci. Walaupun penyelidikan ilmiah yang dijalankan ini hanya bertumpu pada pengenalan awal konsep *zindiq*, namun ia adalah sebagai rujukan asas untuk mengaplikasikan idea baru supaya diperluaskan lagi skop perbincangannya.

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN UTAMA

Al-Quran al-Karim.

### *RUJUKAN BAHASA ARAB*

‘Abd al-Hamid al-Hifni (t.t), *Mawsu‘ah al-Firaq wa al-Jama‘at wa al-Madhahib al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Rasyad.

Abi al-‘Abbas Syams al-din Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr bin Khalikan (t.t), *Wafayat al-A‘yan wa anba’ al-zaman*, Ihsan ‘Abbas (Dr.)(*ditahqiq*), Beirut: Dar Sadir.

Ahmad ‘Atiyyah-Allah (1970), *al-Qamus al-Islami*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Ahmad bin Hanbal (1977), *al-Radd ‘ala al-Jahmiyyah wa al-Zanadiqah*, ‘Abd al-Rahman ‘Umairah (Dr.) (*ditahqiq*), al-Riyadh: Dar al-Liwa’.

al-‘Aliyy, Salih Ahmad (Dr.) (1965), *Jahm bin Safwan wa makanah fi al-fikr al-Islami*, Baghdad: Matba‘ah al-Irsyad.

al-Ahmad Nagari, ‘Abd al-Nabiy bin ‘Abd al-Rasul al-‘Uthmani (1331), *Jami‘i al-‘Ulum al-Mulaqqab bi dustur al-‘Ulama’*, India: Hyderabad-DN.7.

al-Baqi, Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi (t.t), *al-M‘ujam al-Mufahris li al-faz al-Quran al-Karim*, T.T.P: Dar wa Matb‘a al-Syu‘ub.

al-Fairuzabadi, Mujid al-Din Muhammad bin Ya‘qub (t.t), *al-Qamus al-Muhit*, Kaherah: Muassasah al-Jaliy.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1934), *al-Munqidh min al-Dalal*, Damsyik: Maktabah al-Nasyr al-‘Arabi.

al-Ghurabi (t.t.), *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah wa Nasy‘ah ‘Ilm al-Kalam ‘Ind al-Muslimin*, (T.T.P).

al-Ifriqiy, Ibn Manzur (1994), *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar Sadir.

al-Kanani, Abi al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin ‘Iraq (1981), *Tanziyyah al-Shari‘ah al-Marfu‘ah ‘an al-Akhbar al-Syi‘ah al-Mawdu‘ah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.

al-Mahzi, al-Sayyid Muhammad ‘Aqil bin ‘Ali (t.t), *al-Bid‘ah fi al-‘Aqidah wa al-Tasawwuf*, Kaherah: Dar al-Hadith.

al-Makki, al-Muhdath Ahmad bin Hajar al-Haitami (1965), *al-Sawa'iq al-Muharriqah fi al-Radd 'ala ahl al-Bid'a wa al-Zandaqah*, Mesir: Maktabah al-Qaherah.

al-Qarsyi, Abi al-Farraj 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin al-Jawzi (1996), *Kitab al-Mawdu'at*, Madinah: Sahib al-Maktabah al-Salafiyyah.

al-Qummi, Sa'ad bin 'Abdullah Abi Khalaf al-'Asy'ari (1963), *Kitab al-Maqalat wa al-Farq*, Muhammad Jawad Masykur (Dr.) (*ditahqiq*), Tehran: Matbah Haidari.

al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Khattab (1978), *I'tiqadat firaq al-Muslimin wa al-Musyrikin*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.

al-Shafi'i, 'Uthman bin Sa'id al-Darimi, (t.t), *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah*, Syeikh 'Abd al-Latif bin Ibrahim (*ditahqiq*), T.T.P: Mansyurat al-Maktabah al-Islamiy.

al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1983), *al-La'ali al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah*, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.

Dusuqi, Faruq Ahmad (t.t), *al-Qada' wa al-Qadar fi al-Islam*, T.T.P: Dar al-Da'wah.

Muhammad 'Amarah (Dr.) (1998), *al-Mu'tazilah wa musykilah al-huriyyah al-insaniyyah*, Kaherah: Dar al-Syuruq.

## ***RUJUKAN BAHASA MELAYU***

Abdul Aziz Dahlan *et al.* (ed.) (Dr.) (1999), *Ensiklopedi Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

Abdulfatah Haron Ibrahim (2002), *Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan Kebatinan*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

\_\_\_\_\_ (1993), *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ghani Azmi Idris (Drs.) (2003), *Himpunan Hadith-hadith Mawd'u dan Hadith-hadith yang sangat dhaif*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

Abd Rahim Nur (1981), *Percaya kepada Taqdir Membawa Kemajuan atau Kemunduran*, Singapura: Penerbitan Solo Enterprises.

Abdurrahman Badawi (1945), *Sejarah Ateis Islam: Penyelewengan, Penyimpangan, Kemapanan*, Khoiron Nahdiyyin (terj.), LKIS Yogyakarta: Yogyakarta.

Ahmad Amin (Dr.) (1980), *Fajar Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Saifuddin Sadiq (1996), *73 Golongan Sesat dan Selamat*, Selangor: Pustaka 'Ilmi.

Ahmad Zuhairi Abdul Halim (1999), *Amalan Mistik dan Kebatinan serta pengaruhnya terhadap Alam Melayu*, Selangor: Tamaddun Research Trust.

al-'Akkad, Abbas Mahmoud (1970), *Ketuhanan: Sepanjang Ajaran Agama-agama dan Pemikiran Manusia*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

al-Fasi, Syamsuddin (Dr.) (1989), *Wahyu Ilahi: Ia Mencakmar Ayat-ayat Syaitan Salman Rushdie*, Syed Ahmad Semait (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Penamas Sdn. Bhd.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2000), *Penyelamat dari Kesesatan*, H. Rus'an (terj.), Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Amroeni Drajat (Drs.) (2001), *Filsafat Iluminasi: sebuah kajian terhadap konsep "cahaya" Suhrawardi*, Syahrin Harahap (Prof.) (Dr.) (ed.), Tangerang: Penerbit Riora Cipta.

Awang Sudjai Hairul (Dr.) & Yusoff Khan (ed.) (1982), *Kamus Lengkap*, Singapura: National Printers Pte. Ltd.

\_\_\_\_\_ (1996), *Kamus Times*, Petaling Jaya: Times Educational Co. Sdn. Bhd.

*Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*  
(2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Dusuki Ahmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islami*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah  
Islamiah Malaysia (YADIM).

H. Harun Nasution *et al.* (Prof.) (Dr.) (ed.) (1992), *Ensiklopedia Islam Indonesia*,  
Jakarta: Penerbit Djambatan.

\_\_\_\_\_ (2002), *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah  
Analisa Perbandingan*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.

H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (terj.) (1992), *Tafsir Singkat: Tafsir Ibn  
Kathir*, Surabaya: PT Bina Ilmu.

Hasan Hamzah (1997), *Kamus Ensiklopedia*, Selangor: Anzagain Sdn. Bhd.

Ibrahim Abu Bakar (2001), *Ilmu Kalam Paucis Verbis*, Shah Alam: Karisma  
Publications Sdn. Bhd.

Idris Awang (Prof.) (Madya) (Dr.) (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*,  
Selangor: Intel Multimedia & Publication.



Imron Am (Drs.) (1991), *Memahami Taqdir Secara Rasional Imani: Suatu Kajian Analisis Terhadap Wahyu dengan Pendekatan Konteks Alam Fisis*, Surabaya: PT Bina Ilmu.

Kelana C.M & Lai Choy (ed.) (1998), *Kamus Perwira*, Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.

Lutfi Ibrahim (Prof. Madya) (Dr.) (1993), *Antologi Pemikiran Islam*, Selangor: HIZBI Shah Alam.

Nik Abdul Aziz Nik Mat (1996), *Kuliyah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat: Pemisah antara iman dan kufur*, Mashhudi Bunyabi (ed.), Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

Noresah Baharom *et al.* (ed.) (1997), *Kamus Dewan*, edisi ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

O.K Rahmat S.H (Dr.) (1976), *Dari Adam sampai Muhammad Sebuah Kajian Mengenal Agama-agama*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Pringgodigdo, Mr. A.G. (Prof.) (1973), Hassan Shadily (ed.), *Ensiklopedi Umum*, Yogyakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius.

Sayid Sabiq (1994), *Aqidah Islamiah*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Sujak Rahiman (1985), *Kamus Besar Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taufik Abdullah (Prof.) (Dr.) (ed.) (2002), *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

Zainal Abidin Safarwan (ed.) (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

#### **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1966), *Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society III Raniri and the Wujudiyah of 17<sup>th</sup> Century Aceh*, Singapura: Malaysia Printers Limited.

\_\_\_\_\_ (1986), *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*, Kuala Lumpur: Ministry of Culture Malaysia.

Al-Faruqi, Ismail Ragi (ed.) (1974), *Historical Atlas of the Religions of the world*, New York: Macmillan Publishing Co. Inc.

Ayto, John (ed.) (1993), *Hutchison Dictionary of Difficult Words*, Oxford: Helicon Publishing Ltd.

Ba'abaki, Munir (1994), *al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*, Beirut:  
Dar al-'Ilmi lil Malayen.

Blake, Robert (ed.) (1993), *Oxford Illustrated Encyclopedia*, New York: Oxford  
University Press.

Bowker, John (ed.) (1997), *The Oxford Dictionary of World Religions*, New York:  
Oxford University Press.

\_\_\_\_\_ (ed.) (2002), *The Cambridge Illustrated History of Religions*, United  
Kingdom: Cambridge University Press.

D. Newby, Gordon (2002), *A Concise Encyclopedia of Islam*, England: One world  
Oxford.

E. Safra, Jacob (1768), *The New Encyclopedia of Britannica*, Auckland: Chicago.

Edward, Paul (ed.) (1967), *The Encyclopedia of Philosophy*, New York: The  
Macmillan Company & The Free Press.

Eliade, Mircea (ed) (1987), *The Encyclopedia of Religion*, New York: Macmillan  
Publishing Company.

Forlong, J.G.R. (1964), *Encyclopedia of Religions*, New York: University Books.

Hanswebr (1960), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, Cowan, J.Milton, London:  
Mcdonald & Evans Ltd.

Hoggart, Richard (ed.) (1993), *Oxford Illustrated Encyclopedia*, New York: Oxford  
University Press.

Hughes, Thomas Patrick (1982), *Dictionary of Islam*, India: Cosmo Publications New  
Delhi.

\_\_\_\_\_ (1994), *A Dictionary of Islam*, Chicago: KAZI Publications  
Inc.

Jobes, Gertrude (1962), *Dictionary of Mythology Folklore and Symbols*, New York:  
The Scarecrow Press. Inc.

Jones, Lindsay (ed) (2005), *Encyclopedia of Religion*, United States of America:  
Thomson Gale.

Kapoor A.N. & Gupta V.P. (ed.) (1998), *A Dictionary of World Religions*, Delhi:  
Ajanta Publications.

Kendall, Alan (2002), *Who's who in non-classical mythology*, London: Rutledge.

L, Massignon (1982), *The Passion of al-Hallaj: Mystics and Martyr of Islam*, United  
Kingdom: Princeton University Press.

Meagher, Paul Kevin *et al.* (ed.) (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, Washington DC: Corpus Publications.

Parinder, Gerffrey (1971), *A Dictionary of non-Christian Religions*, Pennsylvania: The Westminster Press.

Pence, Gregory (2000), *A Dictionary of Common Philosophical Terms*, New York: The McGraw-Hill Companies.

Smith, Huston (Prof.) (1989), *The Concise Encyclopedia of Islam*, London: Stacey International.

Steingass, F (1972), *A Leaner's Arabic-English Dictionary*, Beirut: Librairie Du Liban.

*The Encyclopedia Americana* (1829), New York: United State of America.

*The New Encyclopedia Britannica Micropaedia* (1977), New York: United State of America.

## **JURNAL**

Baharuddin Che Pa (2004), “Kedudukan kuasa Allah dan kuasa manusia: Menurut Perspektif al-Quran,” *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil.19, Julai 2004.

Mohamad Kamil Abdul Majid (Prof. Madya) (1995), “Pemikiran Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke-21M”, *Jurnal Usuluddin*, c.2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (2002), “Aliran al-Qadariyyah: Perkembangan, pengaruh dan kesannya di Alam Melayu dan khususnya di Malaysia,” *Jurnal Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, bil.12, Julai 2002.

## **TESIS/LATIHAN ILMIAH**

Ahmad Husni Hasan (2003), *Bid'ah Menurut Madhhab Syafi'i: Suatu Analisis Terhadap Amalan Masyarakat Islam di Ipoh, Perak*, (Disertasi MA Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).

Mohd Takiyuddin Ibrahim (1999), *Konsep Tauhid dan Sifat-sifat Allah Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, (Disertasi MA Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).

Mudasir Rosder (1995), *Masalah Uluhiyyah dalam Aliran Asha'irah dan Kesannya dalam Pengajian Akidah di Johor*, (Tesis PhD, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).

Samhan Alias (1990), *Ateisme dan Ilhad; Suatu Kajian Perbandingan*, (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).

Siti Sobah Sulaiman (2003), *Bid'ah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor*, (Disertasi MA Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).

Wan Rohayu Wan Semanis @ Wan Ismail (2004), *Israiliyyat dalam tafsir: kisah Musa dan Khidir*, ( Disertasi MA, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tidak diterbitkan).